


Jilid I  
Bil. 25



MALAYSIA

Hari Selasa  
10hb Julai, 1979

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

*SENATE*

PARLIMEN KELIMA

*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 2453]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia  
[Ruangan 2487]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF (Sabah)
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL LATIP BIN HAJI IDRIS (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AZLAN KINJAWAN (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR. CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Dato' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR. C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR. WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAU TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

 Selasa, 10hb Julai, 1979
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

UDANG KERTAS—KAWALAN  
EKSPORT

**1. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga udang kertas adalah terlampau mahal; jika sedar, nyatakan mengapa kawalan eksport tidak dikenakan kepada udang ini sebagaimana yang dibuat terhadap daging lambu.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa harga udang kertas sekarang ini tinggi tetapi kawalan eksport tidak dikenakan kerana harga pasaran yang mahal bagi udang-udang jenis besar adalah menguntungkan pihak nelayan sendiri. Sekiranya kawalan eksport dikenakan sebagaimana yang dicadangkan, bermakna udang terpaksa dipasarkan di dalam negeri sahaja. Apabila ini berlaku, kemungkinan besar harga udang akan jatuh dan ini akan mengakibatkan berkurangan pendapatan nelayan yang menangkap udang.

Bagi kilang-kilang memproses udang pula, ramai pekerja-pekerja akan kehilangan pekerjaan oleh kerana kilang-kilang akan merosot pengeluarannya jika eksport udang disekat.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah sikap Kerajaan ataupun Kementerian ini berhubung dengan kenaikan harga udang sebagaimana yang disebutkan tadi?

Adakah Kerajaan lebih suka supaya harga udang itu terus mahal ataupun terus murah dengan tidak ada kawalan eksport ini?

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memerhatikan naik turunnya harga hasil tangkapan terutama sekali udang yang dimaksudkan ini dan ianya akan diperhatikan dan tidak dibenarkan melambung naik sehingga boleh merugikan nelayan-nelayan sendiri. Tetapi pihak Kerajaan sentiasa memberi perhatian supaya kedua-dua pihak iaitu nelayan-nelayan yang menangkap udang dan juga pengguna-pengguna akan mendapat faedah daripada kestabilan harga udang terutama sekali udang kertas ini. Tetapi bagi udang jenis ini adalah didapati bahawa kebanyakan daripadanya adalah dieksport. Pada tahun 1977/78 dianggarkan lebih kurang 30% daripada udang ini dieksport dan dengan ini menaikkan harga sehingga memberi pendapatan yang boleh dikatakan lumayan kepada nelayan-nelayan yang berusaha menangkap udang ini.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian tidak membuat kawalan langsung berkenaan dengan eksport udang-udang ini kerana sebagaimana yang kita tahu udang adalah satu makanan tradisi kepada rakyat Malaysia dan sekarang ini banyak pula kekurangan zat-zat makanan seumpama kematian bayi-bayi dan sebagainya dengan sebab kekurangan zat? Macam mana kalau sekiranya kita hanyalah memelihara kepentingan pihak nelayan sahaja maka kita biarkan dengan tidak ada satu kawalan pun, membiarkan udang-udang kita dieksport ke luar negeri menjadi makanan orang-orang atasan di hotel-hotel yang terkemuka di luar negeri yang sudah tentu kita tidak mampu hendak menandingi mereka itu. Tidakkah boleh dibuatkan kuota, misalnya, separuh daripada udang-udang yang ditangkap itu mesti dipasarkan di dalam Malaysia sendiri untuk kepentingan

kepada penduduk-penduduk Malaysia, manakala separuh lagi itu ataupun  $\frac{1}{4}$  daripadanya bolehlah dieksport walau ke Amerika dan sebagainya? Bolehkah pihak Kementerian berbuat begitu?

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, boleh, sebab Kementerian Pertanian sentiasa sebagaimana yang saya sebutkan tadi memerhatikan perkembangan ini. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi hanya 30% sahaja daripada tangkapan udang jenis ini yang dieksport. Bermakna masih ada 70% lagi yang diedarkan di dalam negeri untuk memberi zat-zat protin kepada rakyat di dalam negeri ini. Keadaan ini sekarang adalah dianggap seimbang dan boleh diteruskan dan tidak merugikan. Dan patut juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingatkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kepentingan nelayan juga bermakna kepentingan rakyat di dalam negara ini yang patut kita beri perhatian utama kerana sekiranya harga udang ini diedarkan di dalam negeri sahaja maka harganya akan jatuh, mungkin perusahaan menangkap udang jenis ini juga akan terhenti dan dengan yang demikian juga akan lebih mengurangkan lagi penangkapan udang jenis ini dan merugikan nelayan-nelayan sendiri dan juga merugikan pengguna-pengguna atau rakyat yang memakan udang ini yang mendapatnya di pasaran tempatan.

#### SAHAM-SAHAM BUMIPUTRA— PERBADANAN AWAM

**2. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bagaimana saham-saham yang dipegang oleh perbadanan-perbadanan sebagai amanah bagi pihak Bumiputra akan dipindahkan akhirnya kepada Bumiputra.

**Menteri Perusahaan Awam (Datuk Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan-perbadanan awam di samping memainkan peranan sebagai pendorong dan pengalok penyertaan ekonomi Bumiputra adalah juga bertindak sebagai pemegang amanah bagi pihak Bumiputra. Ini bermakna semua pelaburan perbadanan awam di dalam anak-anak syarikat apabila difikirkan menasabah dan sesuai akan dipindahmilik kepada Bumiputra. Kerajaan sudah bersedia dengan formula-formula yang baru untuk pemin-dahan ini, cuma cara perlaksanaan sahaja

sedang dirangka. Adalah dijangka pemin-dahan ini akan bermula pada pertengahan tahun hadapan.

#### PERMIT BAS MINI

**3. Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan permit bas mini yang telah dikeluarkan di kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia serta di Sabah dan Sarawak.

**Datuk Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada permit-permit bas mini yang dikeluarkan untuk kawasan-kawasan luar bandar kecuali di Pulau Langkawi di mana lima permit bas mini telahpun diluluskan bagi kawasan tersebut.

#### KERETA MOTOR—KECURIAN

**4. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa selalu berlaku kecurian kereta dan penggunaan nombor kereta yang palsu; jika sedar sama ada beliau bercadang mewajibkan nombor pendaftaran (car registration number) dilukiskan di badan kereta itu juga.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan keempat ialah memang saya sedar bahawa selalunya berlaku kecurian kereta-kereta motor dan kegunaan nombor-nombor kereta yang palsu dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat masalah tersebut sedang dalam kajian Kerajaan bagi mengambil tindakan mengawal keadaan tersebut. Bagaimanapun Kerajaan tidak pula bercadang buat masa ini untuk mewajibkan nombor-nombor pendaftaran kereta motor dilukis di atas badan-badan kenderaan yang berkenaan.

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Soalan tambahan, adakah Timbalan Menteri Pengangkutan bercadang hendak mewajibkan pendaftaran atau menggunakan nombor negara ini bagi kereta-kereta yang datang dari negara jiran. Maksud saya kereta-kereta dari Thailand yang masuk ke Malaysia ini supaya senang dikesan bila berlaku sesuatu kemalangan atau sesuatu yang tidak diinginkan?

Yang kedua, di negara kita adalah ditegah tetapi kereta-kereta yang datang daripada negara Thailand telahpun dibenarkan masuk.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk (a) Kerajaan belum bercadang. Maaf, saya tidak faham soalan yang kedua. Saya minta ulang semula.

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua ialah kereta-kereta yang memakai cermin gelap, yang kelim, hitam, tidak dibenarkan, tetapi kereta-kereta yang datang daripada negeri Thailand telah masuk ke Malaysia ini memang berleluasa dengan cermin gelap.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini soalan lain. Walau bagaimanapun, saya hendak tegaskan di sini bahawa kereta apa pun, dari negara apa pun, yang masuk ke tanahair kita harus mengikut undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.

#### RUKUN TETANGGA—KECUALIAN BERTUGAS

**5. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bilangan sekim Rukun Tetangga dalam Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, sama ada masa kawalan bagi tiap-tiap sektor sama atau tidak di antara satu dengan lain, dan siapakah yang dikecualikan bertugas.

**Menteri Tak Berpottfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah sektor Rukun Tetangga di Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan) sehingga hari ini ialah 102 buah. Bagi Petaling Jaya pula ialah 32 buah. Mengenai masa kawalan pula ianya adalah tidak sama di antara satu sektor dengan sektor yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perbekalan di bawah Peraturan 32 Pertaturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 mereka yang dikecualikan daripada bertugas Rukun Tetangga ialah:

- (a) Wakil-wakil diplomat atau konsul yang bertaualiah dan pekerja-pekerja diplomat atau konsul yang tidak berdomisil dalam Malaysia;
- (b) Orang-orang sakit otak yang termasuk dalam erti mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa dalam Malaysia;

(c) Orang-orang yang diperakui oleh dua orang pengamal perubatan berdaftar sebagai buta;

(d) Mana-mana orang lain atau kategori orang-orang yang dikecualikan daripada perjalanan kuatkuasa Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah.

Selain daripada itu, pengecualian juga diberikan kepada mereka yang berikut iaitu:

- (a) Ahli Kabinet;
- (b) Menteri Besar atau Ketua Menteri di sesebuah Negeri;
- (c) Timbalan Menteri;
- (d) Timbalan Menteri Besar dan Timbalan Ketua Menteri bagi sesebuah Negeri;
- (e) Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi;
- (f) Setiausaha Parlimen;
- (g) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat;
- (h) Pegawai dan Anggota Pasukan Tentera;
- (i) Pegawai dan Anggota Pasukan Polis; dan
- (j) Orang-orang yang bukan warganegara dan yang tidak berdomisil dalam Malaysia.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang dan memikirkan dengan begitu jauh bahawa patut dikecualikan juga Ahli-ahli Dewan Negara ini dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada muslihatnya, mungkin dipertimbangkan.

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Kenapakah Sekim Rukun Tetangga tidak dikenakan di seluruh negara sedangkan ini adalah satu-satunya perkara yang memberi kebaikan kepada negara?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sekadar apa yang telah berjalan sekarang Kerajaan puas hati dengan rancangan-rancangan yang telah dijalankan. Mungkin barangkali Rukun Tetangga ini akan diluaskan lagi ke negeri-negeri lain.

### BAYI SALAH AMBIL DI HOSPITAL SEREMBAN

**6. Tuan Haji Nordin bin Pesah** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar bahawa seorang bayi bernama Yanti telah disalah ambil di Hospital Besar, Seremban baru-baru ini, jika benar, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh hospital tersebut supaya perkara seumpama itu tidak akan berlaku lagi.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa seorang bayi bernama Yanti binti Alias, berumur satu bulan, anak kepada Alias bin Karim telah dimasukkan ke Wad Kanak-kanak Hospital Besar, Seremban pada 20hb Mac, 1979, dan telah dibenarkan dibawa balik (discharged) pada 20hb April, 1979. Bayi ini kemudiannya didapati telah tersilap beri oleh seorang Jururawat Terlatih kepada Encik Alias bin Ali (yang bukan bapa kepada bayi itu) pada 21hb April, 1979. Walau bagaimanapun, Yanti telah dihantar-kan semula ke Hospital Besar, Seremban, oleh Encik Alias bin Ali pada 3hb Mei, 1979 dan bayi itu telah diberikan kepada bapanya, Encik Alias bin Karim.

Semua hospital-hospital mempunyai peraturan-peraturan tertentu untuk mencegah kes seperti ini daripada berlaku dan selepas kejadian ini, peraturan-peraturan tersebut telah diperbaiki dan diperketatkan lagi.

Walaupun bagaimanapun, saya amat menyesali kejadian ini dan tindakan tatatertib sedang diambil terhadap jururawat terlatih yang berkenaan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, ini telah menjadi sungutan umum, bukan sahaja yang berlaku di Hospital Besar, Seremban ini, terjadi anak-anak kita yang baru lahir bertukar anak kepada ibu yang sebenar. Peraturan telah dibuat oleh Kementerian ini sekiranya kalau berlaku pertukaran anak apa pengesahan yang dapat memastikan bahawa anak yang ditukar itu ialah hak ibunda yang melahirkan budak itu.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada satu dua kes yang berlaku, peraturan telah diperbaiki supaya nombor Kad Pengenalan bapa dan ibunya dimasukkan dalam senarai dan apabila anak itu diberikan kepada ibundanya, mereka mesti menandatangani borang-borang yang

tertentu dan jururawat yang berkenaan akan mengesahkan bahawa ibunda itu ialah ibunda yang melahirkan anak itu.

### KAPALTERBANG TEBUAN— KEMALANGAN

**7. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab berlakunya kemalangan-kemalangan kapalterbang Tebuan Tentera Udara Di-Raja Malaysia baru-baru ini, dan jumlah wang pampasan yang telah dibayar kepada keluarga pegawai-pegawai yang terkorban.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan di-Pertua, Lembaga Penyiasatan yang ditubuhkan bagi menyiasat sebab-sebab kemalangan kapal-kapalterbang jet Tebuan Tentera Udara Diraja Malaysia baru-baru ini, sedang menjalankan siasatannya pada masa ini. Sehingga siasatan itu disiapkan, pihak Kementerian ini tidaklah dapat menyatakan sebab-sebab kemalangan tersebut buat masa ini.

Sementara mengenai pampasan yang sedang diproses, jumlah wang yang dibayar kepada keluarga-keluarga pegawai-pegawai yang terlibat adalah sebanyak \$179,282 selain daripada bayaran-bayaran pencen bulanan yang layak diterima oleh tanggungan atau keluarga mereka.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya barangkali bukanlah kali ini sahaja Jet Tebuan ini telah jatuh terhempas. Bolehkah saya mendapat tahu tidakkah dibuat penyiasatan pada mula-mula berlakunya dan adakah penyiasatan ini dibuat kali yang terakhir ini sahaja dan kenapakah masa begitu lama, jatuh pada beberapa tahun yang dahulu tetapi sehingga hari ini belum dapat lagi dibuat penyiasatan?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang rumit ini tentulah mengambil masa yang panjang untuk menyiasat perkara-perkara yang halus mengenai dengan kemalangan (accident) ini.

### GURU BAHASA MANDARIN

**8. Tuan Michael Wong Kuan Lee** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kekurangan guru-guru bagi kelas-kelas

bahasa ibunda apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melatih lebih ramai guru-guru Bahasa Mandarin agar murid-murid yang ingin belajar bahasa ibundanya diberi peluang berbuat demikian.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menambah lagi bilangan guru Mandarin Ke-

<i>Maktab</i>		<i>Kursus Masa Cuti</i>	
1975 — 202 orang	+	256 =	458 orang
1976 — 206 „	+	258 =	464 „
1977 — 269 „	+	100 =	369 „
1978 — 313 „	+	856 =	1,169 „
1979 — 354 „	+	935 =	1,289 (935 orang akan tamat latihan pada akhir 1979 ini').

Bilangan guru-guru Bahasa Mandarin yang dirancang masuk ke Maktab-maktab Perguruan dalam jangka masa yang sama adalah diturunkan di bawah. Oleh kerana kekurangan calon-calon yang mempunyai

<i>Bil. Dirancang</i>				<i>Bil. yang Layak Dilatih</i>	<i>Kekurangan</i>
1975	..	..	280 orang	269 orang	11 orang
1976	..	..	420 „	318 „	102 „
1977	..	..	455 „	355 „	100 „
1978	..	..	560 „	345 „	215 „
1979	..	..	650 „	494 „	156 „

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak minta satu definisi ataupun tafsiran daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran tentang yang disebut sebagai bahasa ibunda. Adakah bahasa Mandarin ini dianggap sebagai bahasa ibunda ataupun Bahasa Kebangsaan atau adakah bahasa-bahasa lain iaitu bahasa suku-sakat seperti bahasa Teochew dan lain-lain lagi dianggap juga sebagai bahasa ibunda?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, bahasa ibunda untuk rakyat keturunan Cina ialah menjadi soalan di sini. Jadi dari segi bahasa ibunda rakyat keturunan Cina yang menggunakan bahasanya ialah bahasa Mandarin.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam angka-angka yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran berhubung dengan guru-guru bahasa Mandarin ini, ingin

menterian saya telah mengadakan kursus-kursus masa cuti di samping kursus bahasa di Maktab Perguruan yang sememangnya dijalankan. Pengeluaran guru-guru Bahasa Mandarin dari Maktab-maktab Perguruan dan juga Kursus Masa Cuti telah bertambah dari tahun ke tahun. Bilangan pengeluaran dalam masa lima tahun ke belakangan ini ialah seperti berikut:

kelayakan yang sesuai dan juga disebabkan oleh setengah-setengah pelatih berhenti semasa dalam kursus maka bilangan yang dirancang ini tidak tercapai. Bilangan ini adalah seperti berikut:

saya membuat satu soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa ada didapati guru-guru bahasa Mandarin ini kurang minat atau meringan-ringankan waktu bertugas mengajar Bahasa Kebangsaan, sekiranya ada didapati, bolehkah Kementerian ini mengambil langkah tatatertib kepada mereka?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

## PERSIDANGAN UNCTAD V— KEPUTUSAN

**9. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan keputusan Sidang Perwakilan UNCTAD di Manila atas pandangan Malaysia melalui ucapan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, dan apakah sikap Malaysia terhadap negara-negara yang tidak mengambil perhatian dalam soal yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan dasar ke Persidangan UNCTAD V di Manila, Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menitikberatkan perkembangan ekonomi antarabangsa yang meliputi issue-issue Tabung Bersama, polisi perlindungan negara-negara maju di bidang perdagangan termasuk pengangkutan, perkembangan kesatuan-kesatuan pekerja yang melibatkan diri dengan perkembangan ekonomi negara, pemindahan teknologi dan juga kerjasama serantau di antara negara-negara membangun.

Persidangan UNCTAD V telah mencapai beberapa persetujuan di antara negara-negara maju dan negara-negara membangun di antara lain penubuhan Tabung Bersama dan juga sumbangan kepada "second window" Tabung tersebut. Malaysia telah menyumbangkan ke "second window" sebanyak US\$1 juta.

Beberapa ketetapan lain juga dipersetujui. Ini termasuklah penyertaan yang lebih bagi negara-negara membangun di bidang perkapalan, pemindahan teknologi dari negara-negara maju kepada negara-negara membangun dan juga di bidang kerjasama serantau di antara negara-negara membangun.

Dilihat dari bilangan ketetapan-ketetapan yang telah dicapai merupakan satu kegagalan. Namun begitu ini tidak akan memberikan kesan yang buruk kepada negara kita. Malaysia memerlukan persetujuan di bidang Tabungan Bersama untuk menstabilkan harga barangan utama negara ini. Seperti saya nyatakan tadi, kita telah berjaya di bidang ini.

Di dalam bidang kerjasama ekonomi antara negara-negara membangun, satu perjanjian sebulat suara telah tercapai memberi mandat kepada UNCTAD, dengan kerjasama dan koordinasi dengan agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu yang lain, untuk memperkembangkan kerjasama ekonomi antara negara-negara membangun. Di samping itu, negara-negara maju juga menyediakan kesanggupan mereka untuk menyediakan tindakan bantuan untuk tujuan tersebut. Ini adalah hasil daripada penyertaan Malaysia ke Persidangan UNCTAD V tersebut di mana Ketua Perwakilan Malaysia telah menyeru kepada negara-negara membangun untuk

membuat kajian mengenai kekuatan dan kelemahan negara-negara tersebut dan ini mungkin dibincangkan semasa mengadakan "South-south dialogue".

Pendek kata, Persidangan UNCTAD V bolehlah disifatkan sebagai separuh berjaya dan separuh gagal di dalam memenuhi objektif atau tujuan Dunia Ketiga di dalam Dialog Utara-Selatan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persidangan seperti ini adalah berterusan dan semua perkara-perkara yang mana tidak dapat persetujuan akan dikemukakan kepada jentera tetap UNCTAD.

### PETROLIAM—MENCARIGALI

**10. Tuan Chua Ching Cheng** minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam usaha mencarigali dan melombong petroliam di seluruh dasar laut Malaysia oleh syarikat-syarikat dalam dan luar negeri.

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu pada tahun 1976 PETRONAS telah menandatangani perjanjian perkongsian pengeluaran dengan 3 buah syarikat, iaitu Syarikat ESSO Production Malaysia Incorporated, Sarawak Shell Berhad dan Sabah Shell Petroleum Company Limited. Syarikat-syarikat itu telah menjalankan kegiatan-kegiatan mencarigali dan mengeluarkan minyak. Hasil dari usaha-usaha mencarigali itu pengeluaran minyak kita sekarang telah bertambah menjadi 290,000 tong sehari berbanding dengan 165,390 tong sehari sebelum tahun 1976. Menjelang akhir tahun ini PETRONAS akan menandatangani 2 lagi perjanjian perkongsian pengeluaran; satu dengan PETRONAS Carigali untuk kawasan di luar pantai Trengganu dan Pahang dan satu lagi dengan 3 pihak bersama, iaitu PETRONAS Carigali, Oceanic Exploration and Development Corporation untuk kawasan di luar pantai barat laut Sabah.

### LAWATAN PERDANA MENTERI KE PAKISTAN

**11. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Perdana Menteri berhubung dengan lawatan beliau ke Pakistan untuk

menyatakan bilangan ahli-ahli rombongan, perbelanjaan lawatan, tujuan dan hasil dari lawatan itu.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Pakistan dari 25hb hingga 28hb Januari, 1979 bertujuan untuk:

- (a) mengukuhkan lagi hubungan erat di antara Malaysia dengan negara itu;
- (b) membincangkan kerjasama duahala dalam bidang ekonomi dan teknik, kebudayaan dan perdagangan; dan
- (c) bertukar-tukar pendapat dalam beberapa issue serantau dan antarabangsa.

Dalam lawatan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertemu dengan Presiden Zia-ul-Haq serta pemimpin-pemimpin lain negara itu. Rombongan Perdana Menteri telah mengadakan rundingan-rundingan mengenai perkembangan-perkembangan terbaru di Asia Selatan, Asia Tenggara dan Asia Barat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan kepada mereka tentang perkembangan-perkembangan di Indo-China, dan juga tentang pendirian negara-negara ASEAN terhadapnya. Beliau telah juga memaklumkan kepada mereka tentang masalah pendatang-pendatang haram Vietnam. Presiden Zia-ul-Haq telah menyatakan rasa simpati dan persefahaman-nya mengenai masalah itu.

Rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah juga membincangkan bagaimana untuk meluas dan melipatgandakan kerjasama duahala di dalam bidang-bidang ekonomi, teknik, kebudayaan, sains, perhubungan dan perdagangan.

Rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu juga telah menandatangani satu Perjanjian Kebudayaan. Selain dari itu, rundingan sedang berjalan untuk mengadakan satu Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknik dengan Pakistan.

Rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut telah juga membincangkan tentang mendapatkan kemudahan-kemudahan latihan teknik dan praktik untuk pegawai-pegawai Malaysia, mendapatkan beberapa orang pakar dan pegawai-pegawai ikhtisas untuk berkhidmat di Malaysia, dan untuk mendapatkan lebih banyak lagi tempat-tempat belajar bagi anak-anak Malaysia di Pakistan dalam kursus perubatan dan

bidang-bidang ikhtisas yang lain. Kerajaan Pakistan telah bersetuju untuk menimbangkan permohonan kita itu secara positif.

Kerajaan Pakistan juga telah meminta supaya kita mengimbangkan perdagangan duahala dengan mereka yang sekarang ini lebih menguntungkan Malaysia. Dalam hal ini, Pakistan akan berusaha untuk memperkenalkan barang-barang dagangan mereka, dengan menghantar rombongan-rombongan perdagangan, dan mengadakan pameran-pameran perdagangan di Malaysia. Negara itu juga telah menyatakan kesanggupannya untuk membekalkan beras, bawang, ubi kentang, sayur-sayuran dan buah-buahan kepada Malaysia.

Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Pakistan itu telah dapat mengukuhkan hubungan persahabatan di antara kedua-dua buah negara. Tindakan-tindakan susulan (follow-up action) untuk melaksanakan persetujuan-persetujuan yang telah dibuat antara Presiden Zia-ul-Haq dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang diambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu rombongan dari Rice Export Corporation, Pakistan, telah melawat Malaysia baru-baru ini dan telah dipersetujukan bahawa Malaysia akan membeli beras daripada negara Pakistan. Perdana Menteri telah diberitahu bahawa perwakilan-perwakilan Perdagangan dan Perindustrian dari Pakistan dijangka datang ke Malaysia pada pertengahan bulan Julai ini untuk mengadakan perbincangan-perbincangan lanjut bagi meluaskan perdagangan di antara kedua-dua buah negara.

Lain-lain tindakan susulan (follow-up action) atas lawatan Perdana Menteri ke Pakistan, dalam bidang perkapalan, pelajaran dan juga kerjasama teknikal, sedang diusahakan dengan giatnya oleh kedua-dua buah negara.

Dalam lawatan ke Pakistan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membawa seramai 25 orang ahli rombongan yang terdiri daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga pegawai-pegawai daripada Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Perbelanjaan bagi lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Pakistan berjumlah \$96,212.00.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sedar bahawa ada sebilangan besar ahli politik di Malaysia pada waktu itu tidak begitu puas hati dengan lawatan Perdana Menteri kita ke Pakistan kerana udara Pakistan pada waktu itu sangat memuncak politiknya berhubung dengan perbicaraan Ali Bhutto sedangkan bekas ahli politik negara kita membuat satu rayuan supaya Ali Bhutto tidak dihukum mati dan pada masa itulah Perdana Menteri kita membuat lawatan? Adakah Kerajaan boleh memberi jaminan pada masa akan datang satu-satu lawatan, baik Menteri atau orang yang amat dihormati dalam negara kita, ke sesebuah negara yang berkocak supaya tidak dibuat lawatan?

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang menimbang pada masa akan datang perkara yang seumpama itu tidak akan berlaku lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tidak ada kena-mengena dengan soal asal, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab, boleh. Lain kali boleh tanya.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah termasuk dalam tujuan lawatan Yang Berhormat Perdana Menteri ke Pakistan pada masa itu ada hubungan dengan tujuan hendak merayu supaya pemimpin Pakistan, Ali Bhutto tidak digantung, adakah hubungan dan adakah dibuat sebarang perundingan di sana dengan Zia-ul-Haq?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang jawapan yang saya beri itu tidak nampak suatu kenyataan atau evidence bahawa Perdana Menteri kita merayu soal kes Ali Bhutto dan apa yang berlaku di Pakistan itu adalah merupakan soal-soal mereka sendiri.

## PELABUR ASING DI MALAYSIA

**12. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam perbincangan beliau dengan bakal pelabur-pelabur asing di Malaysia adakah beliau menyentuh mengenai gaji pekerja-pekerja.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan-perbincangan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan bakal-bakal pelabur asing, perkara yang pertama yang dibawa kepada perhatian mereka ialah mengenai hakikat bahawa pada umumnya Malaysia mempunyai tenaga kerja untuk memenuhi kehendak-kehendak industri moden. Kadar pengangguran sebanyak 6.2% dalam tahun 1978 dengan sendirinya merupakan satu petunjuk bahawa terdapat sekumpulan besar daya tenaga kerja yang mungkin belum digunakan di Malaysia.

Di dalam membuat penilaian mengenai pelaburan mereka, bakal-bakal pelabur asing ini sudah tentu akan membuat perbandingan mengenai kos yang terlibat di antara menubuhkan projek-projek pengilangan di Malaysia dengan di negara asal mereka ataupun di tempat-tempat lain. Dalam konteks ini, satu-satunya perkara yang penting yang dibincangkan dengan bakal-bakal pelabur ialah kos buruh dan biasanya dijelaskan bahawa Malaysia mempunyai kelebihan besar dari segi ini kerana pada umumnya kadar gaji di Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan kadar gaji di kebanyakan negara-negara pengekspot modal utama. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa kos buruh yang rendah sahaja tidak menjadi faktor yang mempengaruhi keputusan untuk membuat pelaburan. Malahan, perkara yang sama pentingnya ialah tenaga kerja Malaysia telah membuktikan bahawa mereka boleh dipercayai, produktif, mudah dilatih untuk menerima kemahiran-kemahiran perindustrian dan dapat menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak teknologi moden. Malahan pencapaian pekerja-pekerja dari segi produktifnya dan kualiti telah menjadi satu perkara yang selalu diutarakan oleh pelabur-pelabur asing yang terkemuka, yang telah menjalankan operasi mereka di Malaysia semasa perbincangan-perbincangan dengan Kementerian saya dan di seminar-seminar pelaburan di seberang laut.

Pada keseluruhannya, kos buruh yang lebih rendah ini dan mutu tenaga kerja Malaysia ini bukan sahaja berkesan untuk menggalakkan industri-industri yang banyak menggunakan tenaga buruh malahan juga untuk menggalakkan projek-projek baru yang menggunakan teknologi yang tinggi dan industri-industri yang "sophisticated". Di

dalam hal ini, Kementerian saya akan terus bekerja rapat dengan Kementerian-kementerian lain, seperti Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Kementerian Pelajaran bagi memastikan yang program pelajaran dan latihan tenaga manusia pada masa ini dan yang akan datang akan diarahkan bagi memenuhi permintaan sektor perkilangan.

#### SEKIM PINJAMAN PERUMAHAN

**13. Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah pinjaman yang boleh diberi kepada tiap-tiap pekerja dari Tabung Pinjaman Perumahan Pekerja-pekerja.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah jelaskan dalam jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat itu semalam, nama sekim itu ialah Sekim Pinjaman Perumahan untuk Golongan Berpendapatan Rendah dan jumlah maksima pinjaman ialah sebanyak \$7,500.

#### BANJIR DI JALAN PEKELILING

**14. Tuan Yap Peng** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar Jalan Pekeliling menjadi banjir apabila hujan lebat dan menyebabkan penderitaan kepada lalulintas dan apakah tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah itu.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, banjir yang kerap berlaku di Jalan Pekeliling ialah kerana paip-paip Armco Jabatan Parit dan Taliair di kawasan tersebut telah rosak. Jabatan Parit dan Taliair sedang memperbaiki paip-paip Armco itu. Jabatan-jabatan yang berkenaan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah tersebut.

#### DC-10—BILANGAN PESAWAT DAN HARGA

**15. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan pesawat DC-10 kepunyaan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) serta harga tiap-tiap sebuah.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, MAS mempunyai dua buah pesawat DC-10. Harga bagi tiap-tiap sebuah pesawat DC-10 ialah M\$80.95 juta.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab DC-10 sudah diperkatakan enjinnya tidak begitu baik kerana ada retak-retak pada rangka enjin tersebut, telah diperkatakan oleh setengah-setengah negara, adakah Kerajaan bercadang hendak menukar langsung supaya jangan dibeli pesawat DC-10 itu?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia berpuas hati bahawa kualiti DC-10 yang MAS beli adalah baik.

#### PEGAWAI DAERAH/PENOLONG PEGAWAI DAERAH—TUGAS

**16. Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Pegawai-pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah wajib menolong rakyat menyelesaikan masalah selepas waktu pejabat; dan sama ada menjadi satu kesalahan jika mereka enggan berbuat demikian.

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, tugas-tugas dan tanggungjawab Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah meliputi segala kerja-kerja yang bersangkutan dengan pentadbiran dan pembangunan termasuk aspek-aspek keselamatan, sosial, dan kemasyarakatan penduduk-penduduk di sesuatu Daerah itu.

Walaupun waktu bekerja pejabat telah ditetapkan oleh Kerajaan tetapi mereka adalah dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan masalah-masalah Daerah selepas waktu pejabat mengikut budibicara mereka sendiri berdasarkan kepada mustahaknya masalah-masalah itu.

Sama ada keengganan mereka menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka selepas waktu pejabat akan dianggap sebagai satu kesalahan adalah bergantung kepada sesuatu keadaan yang tertentu. Tetapi ini juga boleh menggambarkan kebolehan pegawai-pegawai tersebut di dalam menggunakan budibicara mereka dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, dan

jikalau didapati mereka gagal menggunakan budibicara mereka dengan berkesan, maka mereka boleh dianggap sebagai pegawai yang tidak cekap (inefficient).

### MASTER PLAN BANDARAYA

**17. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah pelan utama atau "Master Plan" yang diikuti oleh Bandaraya bagi pembangunannya dan adakah pelan ini akan berubah.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, luas Bandaraya Kuala Lumpur ialah kira-kira 94 batu persegi dengan penubuhan Wilayah Persekutuan pada 1-2-1974. Bagi Kawasan Bandaraya yang lama iaitu 36 batu persegi, pembangunannya ialah berdasarkan tiga pelan pembangunan lengkap seperti berikut:

- (i) Comprehensive Development Plan No. 1039 (Central Commercial Area).
- (ii) Comprehensive Development Plan No. 1040 (Density Zoning).
- (iii) Comprehensive Development Plan No. 1041 (Land Use Zoning).

Tiga pelan tersebut berkuatkuasa mulai tahun 1970 dan sekarang sedang dikaji semula untuk mengadakan sebuah pelan Induk (Master Plan) baru bagi seluruh kawasan Bandaraya Kuala Lumpur seluas 94 batu persegi itu. Dengan ini kawasan di luar kawasan Bandaraya lama juga akan mempunyai pelan pembangunan. Pelan Induk baru ini dijangka siap pada akhir tahun 1980.

### HARGA BARANG-BARANG RUNCIT—KAWALAN

**18. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk menentukan bahawa pemodal-pemodal, Kesatuan Perniagaan dan peruncit mematuhi dasar-dasar Kerajaan mengenai penurunan harga runcit.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kementerian saya mengujudkan suatu tingkat harga yang stabil dan berpatutan kepada pengguna-pengguna dan pengeluaran-pengeluaran, khususnya terhadap barang-barang keperluan.

Untuk mencapai matlamat ini Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah yang perlu. Di antara lain langkah-langkah ini adalah seperti berikut:

- (i) Pekilang-pekilang barang-barang yang dianggap perlu yang diberi perlindungan tarif, pengecualian cukai atau galakan-galakan cukai tidak dibenarkan menaikkan harga barang-barang keluarannya tanpa kelulusan Kementerian saya.
- (ii) Permohonan-permohonan kenaikan harga adalah terlebih dahulu dikaji oleh Jawatankuasa Ulangkaji Harga yang juga dianggotai oleh ahli-ahli Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan. Kebenaran kenaikan harga hanya akan diberi kepada pekilang-pekilang sekiranya terdapat sebab-sebab yang berpatutan seperti kenaikan kos pengeluaran atau bahan-bahan mentah. Juga, kenaikan harga akan diberi setelah mendapat persetujuan daripada Menteri sendiri ataupun daripada Jumaah Menteri.
- (iii) Pengeluaran Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977. Di bawah Perintah ini penjual runcit bagi 111 bilangan barang-barang termasuk barang-barang makanan, barang-barang bukan makanan dan barang-barang gantian kereta motor adalah dikehendaki meletakkan label atau tanda yang menunjukkan harga seyunit atau seyunit berat barang-barang jualan mereka. Tanda harga ini membolehkan pengguna-pengguna mengetahui harga-harga jualan dan memilih di antaranya harga yang berpatutan dan rendah.
- (iv) Kerajaan telah mengisytiharkan sembilan belas jenis barang-barang keperluan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan tujuan untuk menentukan bekalan yang cukup. Apabila terdapat bekalan yang mencukupi, adalah diharapkan supaya harga barang-barang tersebut akan stabil dan tidak berlaku kenaikan harga. Pada musim perayaan, dua puluh satu lagi jenis barang diisytiharkan sebagai barang kawalan untuk menjamin supaya bekalan barang-barang ini adalah mencukupi.
- (v) Pelesenan diwajibkan ke atas pekilang-pekilang, pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit bagi sembilan jenis

barang. Dengan penguatkuasaan peraturan ini, pengeluaran, pengedaran dan penyimpanan barang-barang kawalan tertentu dapat diawasi dan dikawal dengan lebih rapi lagi. Dengan cara ini penyimpanan stok-stok yang melebihi yang boleh mengakibatkan kekurangan "artificial" dan kenaikan harga boleh dihalang.

- (vi) Kempen Anti-Sorok masih dikuatkuasakan untuk mengawasi penyorokan dan "profiteering" barang-barang kawalan.
- (vii) Penubuhan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan sejak 14hb Julai, 1973 untuk memberi nasihat dan pandangan kepada Kementerian saya berkaitan dengan semua perkara-perkara kepentingan pengguna-pengguna.

### PAKAR BEDAH

**19. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengadakan pakar-pakar bedah serta alat-alat perubatan yang lengkap supaya pembedahan-pembedahan jantung berlubang boleh dijalankan di Malaysia.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, pembedahan jantung terbuka termasuk pembedahan jantung berlubang dijalankan di Pusat Cardiac Universiti Hospital. Walau bagaimanapun, disebabkan kakitangannya dan kemudahannya yang terhad, Pusat ini tidak dapat memenuhi keperluan negara ini. Sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan pada ketika ini sedang merancang untuk menubuhkan Pusat Cardiothoracic yang kedua di negara ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pusat Pembedahan Jantung adalah pusat yang sangat "sophisticated", yang memerlukan kemudahan fizikal yang mencukupi dan sesuai dan alat kelengkapan yang istimewa serta kakitangan-kakitangan perubatan dan para-perubatan yang terlatih dan berpengalaman. Semua aspek ini hendaklah dirancangan sama sekali oleh kerana pusat tersebut tidak akan dapat beroperasi jika sesuatu aspek ketinggalan. Oleh yang demikian, dengan mengambil pakar-pakar dari luar negeri sahaja dan mendapatkan alat

kelengkapan tanpa kakitangan para-perubatan yang terlatih atau kemudahan fizikal yang sesuai tidak akan membolehkan pusat itu dijalankan.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa ini menggunakan banyak tenaga dan kewangan, tetapi apa yang saya hendak soal dalam soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tidak dapat mengadakan pembedahan jantung dalam negara kita sedangkan dalam negara kita banyak orang sakit jantung berlubang, bolehkah Kerajaan memperuntukkan satu peruntukan wang bagi menghantar mereka ini keluar negeri, kerana pada masa akhir-akhir ini cuma ikhsan akhbar-akhbar sahaja yang meminta derma daripada orang ramai supaya membantu kewangan menolong sama ada kanak-kanak atau orang tua yang sakit itu mendapat rawatan di luar negeri.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak ada peruntukan khas untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, ada satu dua badan sukarela yang akan menganjurkan yayasan untuk menghantar kanak-kanak yang dikehendaki bantuan untuk mendapatkan rawatan di luar negeri.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Saya bersetuju dan Utusan Melayu pernah membuat kutipan derma, Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh sebab perbelanjaannya banyak untuk pembedahan itu. Baru-baru ini seorang budak telah dihantar ke Filipina. Selepas dua tiga malam dia meninggal dan rakyat negeri ini dan penderma-penderma berasa sedih kerana keawatan mendapat perubatan kerana peruntukan kewangan tidak cukup. Bolehkah Kerajaan sendiri melalui Yang Berhormat Menteri membawa perkara ini ke Kabinet?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil perhatian.

### YAYASAN SUKAN

**20. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak menubuhkan sebuah Yayasan Sukan bertujuan untuk meninggikan lagi mutu sukan negara, membantu perbelanjaan latihan, membantu

ahli-ahli sukan yang cedera dan memberi saguhati kepada ahli-ahli sukan yang telah menghargumkan nama negara.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang hendak menubuhkan sebuah yaysan sukan kerana didapati bahawa tabung sukan negara yang diwujudkan di bawah Akta Majlis Sukan Negara adalah dijangka mencukupi untuk menemui segala perkara-perkara berhubung dengan hal-hal kebajikan olahragawan dan olahragawati sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### PENDATANG HARAM INDONESIA

**21. Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram dari Indonesia ke Johor khususnya ke kawasan Keratong dan Pontian.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas menurut undang-undang dan peraturan untuk mencegah semua pendatang haram termasuk mereka yang datang daripada Indonesia baik ke Johor atau ke mana-mana pun. Mereka ini ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah; sesudah mereka menjalankan hukumannya, mereka diusir keluar. Jadi, untuk pengetahuan, Tuan Yang di-Pertua, daripada bulan Januari hingga bulan Mei tahun ini di Johor sahaja seramai 921 orang yang sudah ditangkap kerana masuk secara haram dan dari jumlah ini seramai 168 orang telah diusir keluar selepas ditangkap, manakala seramai 753 orang lagi telah didakwa ke mahkamah dan selepas menjalani hukumannya, diusir keluar. Bakinya seramai 122 lagi masih di dalam tahanan. Ini membuktikan bahawa kita bekerja keras untuk mencegah mereka ini masuk dan kita berasa tindakan kita ini berkesan. Di dalam mencegah kemasukan haram ini, Jabatan Imigresen dan pasukan keselamatan kita sentiasa bekerja rapat meronda di sepanjang perairan dan juga pasukan-pasukan RELA dan kebanyakannya mana yang ditangkap itu adalah daripada kerjasama yang kita dapat daripada orang ramai dan ini adalah sangat memuaskan

kan dan diharap kerjasama ini akan ditingkatkan lagi supaya dapat kita mencegah dengan sempurna segala pendatang haram ini.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua sedia maklum, Malaysia ialah sebuah negara yang sedang maju dan kita telah meminjam wang daripada luar negeri bermelion-melion ringgit tetapi kita terpaksa berbelanja lebih daripada \$50 juta kepada pendatang-pendatang haram. Rakyat Malaysia ingin tahu bagaimanakah atau adakah mana-mana pihak yang ingin memberi balik wang yang kita belanjakan begini sahaja kepada orang-orang yang bukan tanggungjawab kita langsung.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada bayar apa-apa kepada pendatang-pendatang haram yang datang dari Indonesia.

### PAHANG BARAT—PEMBUKAAN TANAH

**22. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang membuka tanah di kawasan Pahang Barat untuk menanam padi dan buah-buahan sebagai satu usaha menambahkan pengeluaran bahan makanan.

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian belum mempunyai cadangan untuk membuka tanah di kawasan Pahang Barat tetapi sebagai satu usaha untuk menambahkan lagi pengeluaran bahan makanan di kawasan tersebut, Kementerian Pertanian akan mengadakan pembangunan kawasan yang sedia ada di Wilayah Pahang Barat bagi memesatkan serta memperbagaikan aktiviti-aktiviti pertanian di kawasan ini melalui satu projek yang diberi nama Projek Pembangunan Pertanian Pahang Barat Yang Disatukan. Projek ini akan dimulakan pada tahun hadapan iaitu 1980 dan melibatkan agensi-agensi utama di bawah Kementerian serta juga RISDA dan lain-lain Kementerian yang ada kaitan dengan pembangunan luar bandar. Projek ini akan meliputi kawasan pertanian seluas kira-kira 5.6 juta ekar dengan melibatkan lebih kurang 32,000 keluarga petani. Peruntukan sebanyak \$15 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga telahpun diluluskan untuk membiayai projek tersebut.

### PERJANJIAN DAMAI MESIR— ISRAEL

**23. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap perjanjian perdamaian antara Mesir dan Israel.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak mengambil apa-apa sikap khusus terhadap perjanjian damai antara Mesir dan Israel, melainkan sekadar menegaskan keyakinan bahawa untuk mencapai keamanan yang kekal di Asia Barat, satu-satu perjanjian itu mesti mencapai penyelesaian yang adil dan komprehensif terhadap semua aspek pertikaian Arab/Israel. Malaysia yakin bahawa penyelesaian yang komprehensif, adil dan berkekal akan hanya tercapai jika:

- (i) Israel berundur sepenuhnya dari semua wilayah yang ditaklukinya termasuk Bai-tul-Muqadis; dan
- (ii) Rakyat Palestin diberikan semula hak mutlak mereka termasuklah hak menentukan masa depan mereka dan hak menubuhkan sebuah negara mereka sendiri.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Malaysia ini ialah sahabat baik kepada negeri-negeri Arab dan juga sahabat baik kepada negeri Mesir, setiap tahun kita mengadakan Pertandingan Quran bagi mengingati kebahagiaan dan ketinggian Islam. Bolehkah Kerajaan Malaysia ini mencuba menjadi orang tengah kepada Mesir dengan negara-negara Arab supaya mencari kata sepakat, keamanan di Timur Tengah.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa memainkan peranannya dalam forum-forum dan di tempat-tempat yang sesuai bagi mencapai sebarang penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi di Timur Tengah sekarang ini dan peluang seperti ini akan kita gunakan sepenuh apabila sampai pada keadaan dan masanya.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan—biarlah saya mengucapkan tahniah dahulu kepada Timbalan Menteri Luar Negeri.

Soalan tambahan saya begini. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi Malaysia memandang bahawa satu penyelesaian yang adil iaitu tentera Israel atau Kerajaan Israel berundur dengan sepenuhnya daripada wilayah-wilayah yang diduduki oleh mereka. Bolehkah saya faham sikap ini tidak akan berubah walaupun setelah Mesir mengiktiraf Israel.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, perjanjian damai antara Mesir dan Israel hanya merupakan masalah-masalah yang tertentu di kalangan beberapa masalah yang sedang berlaku di rantau Timur Tengah dan pendirian kita berkaitan dengan perjanjian damai antara Mesir dan Israel khususnya atas soal pengunduran tentera Israel dari Palestine tetap tidak akan berubah.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu pendirian Kerajaan Malaysia, antara dua blok Arab, negara-negara Arab yang memulaukan Israel dengan sebab perjanjian dan satu lagi blok Arab yang menyertai Israel. Di mana pendirian Kerajaan Malaysia, blok Arab yang memulaukan atau blok Arab yang menyokong Mesir.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Bila Arab sama Arab, saya pun keliru (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berkaitan dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah lebih kompleks daripada soal mengenali Arab yang menyokong dan Arab yang tidak menyokong. Dengan sebab itu adalah tidak adil jikalau saya cuba menjawabnya pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 24 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).*

### GURU BESAR SEMENTARA

**24. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pelajaran menyatakan syarat perkhidmatan untuk membolehkan seseorang guru besar sementara diserapkan ke jawatan tetap.

**Dato' Musa bin Hitam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sepanjang pengetahuan saya tidak ada guru besar sementara pada

masa ini bertugas di Sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia. Dengan itu soal menerapkan Guru-guru Besar sementara ke jawatan tetap yang dimaksudkan itu tidak timbul.

### GURU BAHASA INGGERIS

**25. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan menganggap pengambilan 200 orang guru Bahasa Inggeris dari Britain itu satu langkah realistik dalam usaha kita hendak meninggikan taraf Bahasa Inggeris memandangkan terdapat banyak guru-guru Bahasa Inggeris yang berpengalaman yang sudah bersara yang dapat diambil untuk tujuan itu.

**Dato' Musa bin Hitam:** Kementerian saya mengakui bahawa guru-guru Bahasa Inggeris yang sudah bersara mempunyai pengalaman yang luas serta berkebolehan mengajar Bahasa Inggeris sebegitu baik sekali. Tetapi malangnya segala kebolehan dan pengalaman guru-guru ini hanya khusus kepada pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pertama di mana pengalaman ini tidak lagi secukup dengan kehendak pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara kita hari ini.

Sekiranya pihak Kementerian saya mengambil guru-guru Bahasa Inggeris yang sudah bersara ini untuk mengajar Bahasa Inggeris hari ini, guru-guru ini perlu dilatih semula di dalam bidang pengkaedahan mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Langkah ini kurang mendatangkan faedah yang sepenuh kerana memandangkan guru-guru ini hanya dapat berkhidmat pada masa yang singkat sahaja dan perbelanjaan latihan yang diberikan kepada mereka tidak setimpal dengan tenaga yang dapat mereka curahkan nanti.

Selain daripada ini Kementerian saya juga akan mengalami masalah di dalam penempatan guru-guru Bahasa Inggeris yang sudah bersara ini. Guru-guru yang bersara ini tidak mungkin sanggup dihantar berkhidmat di daerah-daerah luarbandar di mana terdapat kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris yang terlatih di dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Kementerian saya berpendapat pengambilan 200 orang guru Bahasa Inggeris dari Britain itu adalah merupakan satu langkah yang realistik atas sebab-sebab berikut:

- (i) Guru-guru ini adalah guru-guru yang sudah terlatih dan mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa kedua.
- (ii) Guru-guru ini bukan sahaja diminta mengajar Bahasa Inggeris tetapi mereka juga diminta menyiapkan bahan-bahan pengajaran serta membantu guru-guru Bahasa Inggeris tempatan di dalam pengkaedahan mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.
- (iii) Guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom ini senang ditempatkan ke mana-mana sekolah sahaja yang kita ingin mereka berkhidmat.

Rancangan pengambilan guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom ini adalah merupakan satu rancangan jangka pendek Kementerian saya, sementara itu, Kementerian sedang giat menjalankan rancangan jangka panjangnya iaitu melatih lebih ramai guru untuk menjadi guru-guru Bahasa Inggeris yang boleh mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Adalah dijangkakan setelah tamat tempoh perkhidmatan guru-guru dari Britain ini negara kita akan mempunyai bilangan guru-guru yang cukup serta terlatih di dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

### BAS MINI KEPADA BUMIPUTRA

**26. Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan lesen bas mini yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra dalam tahun 1975 hingga 1978 dan berapa pula yang telah ditarik balik.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Permit bas mini yang telah dikeluarkan dalam tahun 1975 hingga 1978 berjumlah 477. Dari jumlah ini 50 telah dikeluarkan kepada Bumiputra individu. Setakat ini hanya 1 permit yang dikeluarkan kepada Bumiputra individu telah ditarik balik.

### LAMPU ISYARAT—KEROSAKAN

**27. Tuan Yap Peng** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lampu lalulintas di Wilayah

Persekutuan selalu rosak dan sama ada beliau sedar bahawa trafik lalulintas terpaksa memberi bantuan di tempat-tempat berkenaan dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn):** Kerajaan memang sedar tentang kerosakan lampu-lampu isyarat. Tindakan telah diambil untuk menggantikan lampu-lampu isyarat yang lama. Kerja-kerja untuk mengadakan Sistem Kawalan Lalulintas Kawasan (Areal Traffic Control System) iaitu menggunakan komputer untuk mengawal lampu-lampu isyarat sedang dilaksanakan dan dijangka sistem baru ini dapat dimulakan dalam masa 9 bulan lagi.

Sementara itu kontraktor yang menyelenggara lampu-lampu isyarat yang ada sekarang telah diarahkan supaya meningkatkan mutu perkhidmatannya dan memperbaiki atau mengganti lampu-lampu isyarat yang rosak secepat mungkin.

#### PENJAJA-PENJAJA DI BENTENG

**28. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah antara penjaja-penjaja di kawasan Benteng dengan tuannya bangunan-bangunan yang berdekatan dan bilakah mereka dijangka berpindah.

**Dato' Hussein Onn:** Langkah-langkah bagi pemindahan penjaja-penjaja di kawasan Benteng adalah tidak ada kena mengena dengan masalah-masalah dengan tuan punya bangunan yang berdekatan. Pemindahan penjaja-penjaja tersebut adalah semata-mata dari segi pembangunan yang melibatkan pembinaan jalanraya dan pembesaran jambatan di kawasan tersebut yang mana ini adalah terlibat dengan "Traffic Dispersal Scheme".

#### SAHAM MILIK RAKYAT MALAYSIA

**29. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan semenjak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan berapa banyakkah saham-saham syarikat sektor swasta yang dimiliki oleh rakyat Malaysia mengikut keturunan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Dalam bidang perkilangan yang telah memulakan pengeluaran iaitu dalam syarikat-syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian kedudukan saham-saham yang dimiliki oleh rakyat Malaysia mengikut keturunan pada 31hb Disember, 1977 adalah seperti berikut:

Bumiputra	...	586,200.6	17.22%
China	... ..	1,339,996.0	39.36%
India dan lain-lain	... ..	91,471.3	2.69%
		<hr/>	<hr/>
		2,017,667.9	59.27%
Rakyat Asing		1,386,655.0	40.73%
		<hr/>	<hr/>
		3,404,322.9	100%

#### LADANG SAYUR DAN BUAH- BUAHAN DI CAMERON HIGHLANDS

**30. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerannya bercadang membuka ladang sayur dan buah-buahan di Cameron Highlands serta ladang tenusu di Daerah Lipis atau Jerantut sebagai usaha menampung sumber makanan di negara ini, jika tidak mengapa.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Buat masa ini Kementerian Pertanian belum lagi mempunyai cadangan untuk membuka ladang sayur dan buah-buahan di kawasan Cameron Highlands. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum kawasan ini boleh dianggapkan telah maju dalam soal tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan oleh petani-petani perseorangan mahupun syarikat-syarikat swasta. Dasar Kementerian Pertanian pada masa ini ialah memberikan perhatian yang lebih kepada kawasan-kawasan yang kurang maju untuk dibangunkan. Oleh kerana itulah maka Kementerian Pertanian belum lagi bercadang untuk membuka ladang-ladang sayur dan buah-buahan di kawasan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian mengambil berat tentang kemajuan penanaman sayur dan buah-buahan di kawasan tersebut, terutama dari segi penyelidikan dan pengawasan.

Berkenaan dengan cadangan membuka ladang tenusu di Daerah Lipis atau Jerantut, Kementerian Pertanian memang ada mempunyai rancangan menubuhkan Pusat Pengumpul Susu di Daerah Jerantut, Bentong dan Temerloh di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Penubuhan Pusat-pusat Pengumpulan Susu ini juga secara tidak langsung akan membuka peluang penternak-penternak/pekebun-pekebun kecil dalam penubuhan ladang-ladang tenusu di kawasan ini. Di Daerah Lipis, Kementerian belum lagi ada rancangan untuk menubuhkan Pusat Pengumpulan Susu kerana difikirkan dengan perluasan Pusat-pusat Pengumpulan Susu di Jerantut ini ianya dapat memberi munafaat kepada penternak-penternak di kawasan Daerah Lipis.

#### DOKTOR LUAR NEGERI

**31. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor-doktor luar negeri yang berkhidmat di Malaysia dengan menyatakan negara asal masing-masing.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Jumlah bilangan Doktor-doktor luar negeri yang berkhidmat di Malaysia ialah 176 orang. Bilangan mengikut negara asal masing-masing adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Bilangan</i>
India ... ..	90
Bangladesh ... ..	22
Burma ... ..	12
Indonesia ... ..	20
Korea Selatan ... ..	2
Pakistan ... ..	8
Rep. Arab Bersatu ... ..	9
Sri Lanka ... ..	8
Great Britain ... ..	2
Singapura ... ..	2
Kampuchea ... ..	1
JUMLAH ... ..	176

#### KADAR INFLASI LUAR BANDAR/ BANDAR

**32. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah indeks yang asing digunakan untuk mengukur kadar

inflasi di kawasan luar bandar dan bandar dan jika ada, nyatakan kadar inflasi bagi kedua-dua kawasan ini.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah):** Pada masa ini, tidak ada angka tunjuk yang berasingan bagi mengukur kadar inflasi di kawasan luar bandar dan bandar. Angka Tunjuk Harga Pengguna yang digunakan sekarang bagi mengukur inflasi ialah angka tunjuk harga umum yang meliputi semua kawasan.

Walaupun tidak terdapat angka tunjuk yang berasingan bagi sektor bandar dan luar bandar pada masa ini, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa atas permintaan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Jabatan Perangkaan pada masa ini sedang mengkaji kemungkinan bagi mengadakan angka tunjuk-angka tunjuk harga pengguna yang berasingan bagi pengguna-pengguna di bandar dan luar bandar di Semenanjung Malaysia. Jika didapati praktik angka tunjuk-angka tunjuk itu akan diadakan kelak.

#### PENDATANG HARAM VIETNAM— DASAR NEGARA

**33. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah mengkaji semula dasar negara terhadap pendatang haram Vietnam; jika ya, nyatakan sifat dasar baru itu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Dasar Kerajaan mengenai pendatang-pendatang haram Vietnam adalah seperti yang pernah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 Jun, 1979 yang akan terus menyekat kedatangan mereka dengan mengambil tindakan mengusir bot-bot mereka yang cuba memasuki perairan kita atau cuba mendarat.

#### BIRO BANTUAN GUAMAN

**34. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan orang yang meminta bantuan Biro Bantuan Guaman dengan memberi angka pecahan mengikut kaum bagi lima tahun yang lepas mulai tahun 1973; dan sama ada beliau sedar tentang sungutan bahawa kes-kes yang dilaporkan kepada Biro itu mengambil masa yang

lama untuk diselesaikan; jika ya, nyatakan tindakan yang diambil untuk mempercepatkan penyelesaian kes-kes itu.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Bilangan orang yang meminta bantuan Biro Bantuan Guaman dengan mengikut kaum bagi lima tahun yang lepas mulai tahun 1973 hingga 1977 ialah:

Melayu	...	...	...	...	9,612
China	...	...	...	...	3,216
Indian	...	...	...	...	2,559
Lain-lain kaum	...	...	...	...	134

Saya tidak sedar tentang sungutan bahawa kes-kes yang dilaporkan kepada Biro Bantuan Guaman mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Setahu saya kes-kes yang dilaporkan kepada Biro mengambil masa lebih kurang sama seperti kes-kes lain yang dibawa ke mahkamah-mahkamah, oleh peguam swasta atau orang persendirian. Bagaimanapun saya akan memberi perhatian di atas sungutan kelambatan ini.

Suka saya nyatakan mana yang menasabah Biro Bantuan Guaman kelazimannya menyelesaikan kes-kes secara damai di luar Mahkamah, supaya kes-kes dapat diselesaikan dengan cepat. Juga dalam usaha mempercepatkan lagi penyelesaian kes-kes Biro akan menambahkan kakitangannya dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, peranan Biro Bantuan Guaman adalah sama seperti firma peguam swasta dalam mengendalikan kes-kes yang dilaporkan kepadanya. Apabila seseorang pemohon datang memohon nasihat guaman sahaja Pegawai Biro akan memberikan nasihat waktu itu juga. Jika kes yang dilaporkan itu berkehendakkan perwakilan mahkamah, misalnya, kes nafkah atau kes harta pesaka kecil atau kes kemalangan jalan raya, Pegawai Biro akan bertindak sebagai Peguam swasta di mana percakapan (statements) pemohon dan saksi-saksi, jika ada, akan diambil. Jika kes itu berkehendakkan dokumen-dokumen dari Jabatan-jabatan lain seperti hospital, Polis, Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor, Pejabat Tanah dan sebagainya Pegawai Biro akan membuat permohonan untuk mendapatkannya. Dengan lain perkataan, Biro membuat penyiasatan dan cuba mendapat seberapa banyak bukti yang boleh. Selepas mendapat segala dokumen

dan sebagainya barulah permohonan atau tuntutan yang tertentu dibuat di mahkamah. Kemudian mahkamah akan menetapkan tarikh untuk perbicaraan.

Keadaan yang serupa, pada pendapat saya, diamalkan oleh peguam swasta.

### GERAKAN KOMUNIS MALAYSIA

**35. Tuan Ismail bin Hashim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada semasa lawatan beliau ke Republik Rakyat China beliau telah membincangkan gerakan komunis Malaysia yang masih membuat kacau di Malaysia; jika ya, apakah sikap pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China itu terhadap perjuangan mereka.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Soalan Ahli Yang Berhormat ini sama maksudnya dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah yang telah dijawab pada 9hb Julai, 1979 ketika menjawab soalan dari Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

### PERKHIDMATAN PENERBANGAN KE CHINA

**36. Datuk Dr Wee Khoon Hock** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kejayaan besar lawatan beliau ke Republik Rakyat China untuk memperbaiki hubungan antara kedua-dua negara, kemajuan yang dicapai selepas lawatan itu khususnya berkenaan dengan menguruskan jurang perbezaan yang dalam tahun 1978 berjumlah \$295 juta daripada jumlah perdagangan antara kedua-dua pihak dan perjanjian mengenai perkhidmatan penerbangan.

**Perdana Menteri:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah maklum, saya telah melakukan lawatan ke Republik Rakyat China itu dari 26hb hingga 9hb Mei yang baru lalu. Oleh itu amatlah terlaru awal bagi saya untuk menyatakan kemajuan yang telah dicapai sesudah lawatan itu.

### LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

**37. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Perdana Menteri berhubung dengan lawatan beliau ke Republik Rakyat

China baru-baru ini, untuk menyatakan bilangan ahli-ahli rombongan, jumlah perbelanjaan, tujuan dan hasil dari lawatan tersebut.

**Perdana Menteri:** Berhubung dengan tujuan dan hasil lawatan saya ke Republik Rakyat China, ini telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada 9hb Julai, 1979, sewaktu menjawab soalan yang sama maksudnya dari Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim. Berhubung dengan bilangan ahli-ahli rombongan itu, seramai 71 orang telah menganggotai rombongan saya ke Republik Rakyat China itu, termasuk beberapa orang Menteri Kabinet dan pegawai-pegawai Kerajaan serta juga wakil-wakil dari perusahaan dan perdagangan swasta. Juga ikut serta ialah pegawai-pegawai dari akhbar-akhbar dan Radio dan Talivisyen Malaysia.

Berhubung dengan jumlah perbelanjaan pula, sebanyak \$360,325.70 sen telah dibelanjakan, termasuk \$282,000 sebagai sewa kapalterbang.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (9hb Julai, 1979).

3.37 ptg.

**Puan Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbadanan ini dan terlebih dahulu saya ingin menyatakan saya bersyukur bahawa sudah ada kesedaran di pihak Kerajaan untuk membela nasib dan memberi nafas baru kepada tukang-tukang tradisional kita yang ada berselerak di seluruh pelusuk negara ini.

Saya menyokong kerana ini juga adalah satu-satunya usaha dan cara bagi meningkatkan taraf hidup mereka dan meningkatkan mutu kraftangan yang telah menjadi nadi

hidup rakyat negara ini. Inilah juga satu cara kita dapat memberi peluang kepada anak-anak muda yang suka meninggalkan kampung halaman mereka pada hari ini berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari nafkah hidup.

Dalam usaha Perbadanan hendak meningkatkan taraf usahawan dan memberi nafas baru kepada tukang-tukang tradisional ini, Perbadanan hendaklah menitikberatkan dengan sewajarnya soal perlunya melindungi kepentingan istimewa tukang-tukang tradisional itu. Jika perkara ini diabaikan, hanya ada dalam tugas-tugas Perbadanan sahaja, tetapi tidak dipraktikkan, maka pada pendapat saya usaha untuk melahirkan barang-barang yang berkualiti akan hilang kerana mereka mahukan hasil perubatan mereka itu tetapi tidak ada jaminan yang memberi perlindungan kepada production mereka itu sendiri.

Untuk melaksanakan semua yang disebut oleh Menteri dalam hujah-hujahnya semalam, saya suka mengesyorkan supaya Perbadanan Kemajuan Kraftangan hendaklah merangka program-program perkembangan hasil keluaran dan tumpuan hendaklah diberikan kepada aspek-aspek berikut:

1. Perkembangan rekaan (design development) yang berunsurkan kepada kesenian dan kebudayaan negara ini;
2. Penggalakan rekaan (design promotion) kerana kita perlu mengenalkan kepada pengusaha-pengusaha dalam dan luar negeri bahawa designer kita mempunyai mutu rekaan yang asli;
3. Program pengawalan rekaan (design protection programme) kerana segala rekaan itu tidak ada orang lain dapat menirunya dan dalam perkara ini Perbadanan mesti tegas dan bertindak;
4. Program latihan perekaan (design education programme). Bahagian ini yang penting sekali kerana jika kita kurang pakar rekaan, rekaan itu mestilah untuk kegunaan pengguna-pengguna dan menyebarkan rekaan-rekaan itu kepada seluruh negara luar supaya dapat tempahan-tempahan hasil dari pembuatan dan rekaan asli kraftangan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan ini mestilah cukup dengan pakar-pakar rekaannya sendiri dan kalau boleh, kerana design

kita ini adalah design asli tidak perlu mengambil orang daripada luar negeri. Jika kekurangan pakar-pakar, Menteri adalah diharapkan dapat melatih anak-anak bumiputra kerana inilah tujuan asal Perbadanan ini.

Seperkara lagi saya ingin mengingatkan Menteri supaya keanggotaan Perbadanan ini hendaklah terdiri daripada orang yang betul-betul mengetahui tanggungjawab dan tugas Perbadanan ini dan tidak dicampur-adukkan dengan sebarang kehendak politik ataupun orang-orang perseorangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

3.43 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Ibu berhubung dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 ini. Telah banyak diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam hujah-hujahnya supaya Rang Undang-undang ini dapat diluluskan tetapi walau macam manapun, gemar saya menyentuh dalam bahagian-bahagiannya yang ada dalam kandungan Rang Undang-undang ini.

Pertama sekali, Perbadanan ini menggantikan Lembaga Kraftangan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1973 di bawah MARA dengan tujuan memperbaiki kraftangan rakyat yang terus berkembang, maka dengan sebab itulah diwujudkan Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, belumlah lewat lagi Kerajaan mengadakan Perbadanan ini dan sangat sesuai masanya dengan Dasar Ekonomi Baru bahawa Kerajaan akan mengurangkan kemiskinan khususnya rakyat di kawasan luarbandar. Saya tidak hendak mengharapkan bahawa peruntukan Rang Undang-undang ini hanya melibatkan masyarakat yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri semalam iaitu 10,000 orang terlibat dalam perusahaan batik dan 7,000 orang terlibat dalam perusahaan anyaman. Bahkan yang ada kaitan berhubung dengan kraftangan ini lebih dari itu dan kebetulan pula bahawa cara kebetulan, bahawa masyarakat yang 10,000 dan 7,000 ini kebetulannya dalam negeri Yang Berhormat Menteri sendiri.

Dengan keadaan ini, saya fikir ianya tidak begitu serius tetapi kesedaran yang datang ialah kesedaran yang didatangkan oleh rakyat dalam kawasan itu yang selama ini

mengalami beberapa kehampaan dalam usaha-usaha kraftangannya dan juga tidak memberikan satu faedah yang berguna kepada mereka. Malahan pula dengan adanya persaingan bahan-bahan yang merupakan kraftangan ini ditandingi oleh bahan-bahan yang bercorak saduran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini saya mengharapkan bahawa Rang Undang-undang ini jangan menakutkan pula pengusaha-pengusaha kraftangan kita, sebab dalam peruntukan Undang-undang ini, kalau sesiapa juga yang membuat kesalahan akan didenda sampai \$1,000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Usaha yang paling kecil bagi Perbadanan ini hendak mengenakan satu hukuman kalau ahli-ahli kraftangan ini melakukan kesalahan iaitu dengan secara tidak langsung Kerajaan mengenakan lesen kepada pengusaha-pengusaha ini, pada hal pada ketika dahulu mereka terbiar dengan tidak berlesen. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, mereka menghendakkan lesen, menghendakkan logo daripada Perbadanan ini, walaupun pada hakikatnya dengan tujuan hendak mengawal, hendak memelihara dan hendak menentukan bahawa berapa banyak percambahan perusahaan kraftangan ini telah lahir di tanahair kita tetapi pada orang luarbandar dengan dikenakan lesen ini, kalau kiranya membuat satu kesalahan akan dihukum, saya khuatir akan meliarkan hati mereka dalam perusahaan ini. Oleh itu saya harap dengan kebijaksanaan Menteri yang baik hati ini pada usaha yang pertama kalau hendak disusun kraftangan yang ada dalam tanahair kita ini pada peringkat pertama mereka menjalankan usahanya setahun dilepaskanlah daripada pembayaran cukai dan peruntukan-peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menghargai atas alasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kraftangan ini akan mengekai keperibadian Malaysia dari segi kebudayaan dan kesenian. Ini saya sangat bangga tetapi Kerajaan kenalah mengawasi dengan begitu cermat kiranya berlaku persaingan bahan-bahan yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha kraftangan ini kiranya bersaing dengan harga yang begitu murah, kita khuatir bahawa usaha yang dibuat oleh pengusaha ini akan ketinggalan bagaimana masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan yang hendak diusahakan ini akan dipasarkan melalui Perbadanan ini dalam negeri dan juga

luar negeri. Saya khuatir bila kita berlumba dalam usaha perniagaan ini dengan menghendakkan keuntungan dan berlumba menghendakkan barang keluar dengan begitu baik maka akan hilanglah janji Kementerian ini bahawa bahan-bahan ini akan terus mengekalkan kebudayaan dan kesenian negara ini.

Saya khuatir, kalau tidak ditegaskan di dalam perkara ini satu ketika kelak bahawa kraftangan di Malaysia ini akan menjadi kraftangan yang rojak, yang tidak melambangkan tradisional negeri ini. Dengan sebab itu kita akan terima semua kraftangan-kraftangan dari rakyat dalam negeri ini tetapi dengan syarat berteraskan kraftangan Bumiputra dalam negeri. Kita akan mengalu-alukan semua kaum dalam negeri ini sama ada orang China, India, Orang Asli, suku-suku kaum daripada Sarawak dan Sabah memang kaya dengan bahan-bahan kraftangan tetapi waktu kita hendak menggalakkan, waktu kita hendak memperbanyakkan kraftangan ini, janganlah banyak unsur-unsur kraftangan yang datang dari luar. Jadi kalau banyak unsur kraftangan yang didatangkan dari luar maka akan hilanglah keaslian kraftangan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri memberikan perhatian atas pandangan saya ini waktu hendak melaksanakan Rang Undang-undang ini menurut hemah saya yang cetek ini sebagai satu garis panduan bila hendak mengenakan lesen dan logo kelak. Pertamanya kita perhatikan dalam bidang perhiasan. Perhiasan ini memang disukai dari zaman berzaman sampai sekarang bukan sahaja barang-barang perhiasan kraftangan Malaysia ini disukai oleh rakyat negeri ini termasuklah juga rakyat di luar negeri.

Yang kedua dalam bidang pakaian. Pakaian ini juga diusahakan dengan usaha kraftangan Bumiputra sebagaimana kata Yang Berhormat dari Kelantan iaitu usaha kain batik dan kain songket tetapi malangnya Kerajaan tidak memberi perhatian dalam usaha ini pada masa dahulu iaitu pihak pengusaha Bumiputra telah membuat kain batik tetapi malangnya kain putih itu kurang didapati oleh pengusaha-pengusaha itu. Dengan tidak adanya kain putih, kurangnya dapat kain putih, pengusaha itu tidak boleh menjalankan perniagaannya dengan begitu memuaskan.

Yang ketiga dalam bidang sukan termasuklah juga permainan kanak-kanak. Banyak bahan-bahan kraftangan yang boleh

diusahakan dalam negeri ini untuk permainan kanak-kanak. Hingga pada masa sekarang kita lebih banyak mengimport bahan-bahan permainan kanak-kanak daripada luar negeri. Apa salahnya kita anjurkan kepada kraftangan kita ini membuat bahan-bahan mainan kanak-kanak dan juga bahan-bahan sukan yang kalau tidak ada kaitannya kalau hendak dikira usaha yang dibuat oleh kraftangan kita ini kurang mutunya macam pemukul bola hoki itu, barangkali Malaysia boleh buat. Tetapi kita fikir benda ini tidak layak, tidak sesuai dengan kualiti permainan kita yang begitu tinggi dengan buatan kayu hoki yang dibuat oleh Malaysia tetapi ini kita patut fikirkan. Kita beri nasihat, kita beri tunjuk ajar kepada kraftangan kita supaya mutu usaha yang dibuat itu sama dengan umpamanya kayu hoki yang datang daripada luar negeri.

Lagi satu dalam bidang hiburan. Bidang hiburan ini banyak diusahakan oleh pengusaha kraftangan dalam negeri ini termasuklah dalam bidang kesenian. Kita ada buat kompang, rebana, kalau boleh rebana ini bukan gunanya di negeri ini tetapi boleh kita eksportkan ke luar negeri. Dan juga dalam bidang pertanian. Kalau di masa dulu orang-orang kita membuat alat-alat pertanian ini dengan usaha tangan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang makanan ini, saya sentuh juga, sebab di Malaysia ini termasyhur makanan juadah yang luar biasa, yang boleh tahan lama seperti dodol, kuih kering, dahulu yang mana itu boleh dibuat di Malaysia, di Pantai Timur ada dibuat. Jadi bahan-bahan ini kalau kita sudah ada bukankah boleh digunakan di sini. Ini patut kita berikan peluang sebab dodol ini satu makanan yang disukai oleh orang Malaysia, sekarang orang luar negeri pun suka sebab bila saya pergi ke Kelantan pun kita tengok orang-orang barat pun suka hendak beli dodol ini. Jadi kalau usaha ini kita baiki, insya Allah akan dapat meluaskan usaha kraftangan daripada penduduk-penduduk luar bandar.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak dalam usaha kraftangan ini juga tadi telah saya katakan berhubung dengan lesen akan dikenakan dan saya harap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini Kementerian ini akan mengadakan pendaftaran. Semua kraftangan dalam tanahair kita ini dan juga siapa juga bakat-bakat lama yang telah meninggalkan kraftangannya, dia

tidak dapat mengusahakan, kita suruh daftarkan. Setelah kita daftarkan ke seluruh tanahair kita ini yang ada kaitan dengan kraftangan ini, selepas itu Kementerian ini patut mengadakan satu seminar kraftangan seluruh tanahair kita ini dengan adanya pihak pegawai-pegawai yang berkenaan memberikan ceramah atas kandungan ini dan juga kita dapat mendengar bahan-bahan, pandangan-pandangan daripada ahli-ahli kraftangan kita di tanahair ini. Ini akan berguna. Setelah habis seminar itu barulah Kementerian ini boleh menentukan bagaimana yang ada di dalam Rang Undang-undang ini akan mengadakan pusat kecil, pusat besar, kemudian akan mengadakan bengkel-bengkel. Selepas itu baru ada gedung-gedung. Ini ada kaitan. Kalau kita ada gedung tidak ada orang yang hendak menghantar bahan-bahan ini, gedung itu kosong dan daripada inilah juga saya fikir maksud dan tujuan Rang Undang-undang ini akan dapat berjalan dengan sempurna dari semasa ke semasa.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dalam bahagian Ketua Pengarah. Tadi telah disentuh oleh rakan sejawat saya bahawa Ketua Pengarah dan ahli-ahli Jawatankuasanya saya sokonglah mesti orang yang ada mempunyai bakat, minat, kelayakan dalam bidang kraftangan ini dan saya mahu Pengarah ini juga hendaklah dihantar ke luar negeri sebelum daripada Rang Undang-undang ini berjalan, melawat sambil belajar, menengok mana negeri-negeri yang maju dalam bidang kraftangan terutama di Jepun supaya daripada pengalaman dan pelajaran ini akan dapat membaiki, dapat melaksanakan tujuan Rang Undang-undang ini. Dan diberi peluang juga kepada ahli-ahli kraftangan kita itu supaya dapat melanjutkan pelajarannya ke luar negeri melawat sambil belajar kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam bahagian kewangan. Sekarang badan ini belum ada duit. Jadi Kerajaan kena memberikan satu peruntukan yang besar kalau badan ini hendak berjalan dengan baik. Kita harap dalam Budget yang akan datang bahawa Perbadanan ini akan dapat satu peruntukan yang besar untuk melaksanakan, hendak menjayakan rancangan-rancangan yang ada peruntukan dalam Rang Undang-undang ini dan kerana wang-wang ini juga yang dikumpulkan dalam kumpulan Perbadanan ini, yang disalurkan kepada kumpulan Perbadanan ini akan dapat dipinjam oleh kraftangan-kraftangan kita

untuk mengusahakan rancangan-rancangan mereka dan saya mengharapkan bahawa pinjaman-pinjaman yang akan diberikan kepada mereka ataupun diberikan grant terus kepada mereka sebagai galakan hendaklah jangan lebih susah daripada orang hendak meminjam duit kepada MARA. Dengan keadaan ini saya fikir Perbadanan ini akan dapat berjalan dengan sempurna kelak.

Saya fikir itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

4.00 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama untuk memberikan teguran berserta dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain terhadap Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini.

Seperti lain-lain perbadanan, Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini seperti kita tahu adalah perlu, nama tidak menjadi soal. Soal yang penting ialah kita boleh bubuh apa jua nama yang kita hendak berikan, tetapi apa yang penting kepada kita ialah pelaksanaan dan pelancaran serta keinginan dengan pengusaha-pengusaha sekarang hendaklah jangan dipandang seperti dahulu sahaja iaitu kita tahu sepatutnya kita tidak melupakan juga bahawa MARA yang dahulunya juga kepada petugas-petugas dan pengawal. Dalam perkara ini perlu juga dihargai dalam masalah memajukan dan membantu bumiputera bagi memajukan perusahaan-perusahaan mereka. Harapan yang terbesar kalau kita perhatikan dari sini ialah Kerajaan patut mengambil perhatian sepenuhnya, hendaklah diberikan kepada Lembaga ini modal yang cukup atau kewangan hendaklah diberi dengan secukupnya. Bantuan yang secukupnya perlu difikirkan dan seterusnya janganlah hanya Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini pada permulaan sahaja dilancar secara besar-besaran tetapi "usaha tidak sama dengan bikin".

Dari segi pengarahnya, rasa saya sama juga seperti apa yang dititikberatkan iaitu pengarahnya mestilah betul-betul yang memahami hasrat negara, hasrat pengusaha, hasrat pengguna dan hasrat pencipta. Janganlah penting pada nama, tetapi yang penting benar-benar ialah kepada tugas dan kerja yang dilaksanakan itu. Perlindungan kepada bekas-bekas pengusaha hendaklah diseimbangkan. Hasil-hasil mestilah sentiasa

sedia, jangan jadi seperti musim-musim, ada musim ini banyak dan sambutannya baik dan ada pula pada musim yang tidak dapat perhatian. Maka ini mestilah juga difikirkan kerana pengguna dan peminat sentiasa memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi ingatan dalam masalah pasaran. Kalaulah Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini berjalan, dalam masalah pasaran juga tidak hanya dalam negeri sahaja atau dalam daerah yang setempat, patutlah juga kita hantarkan di luar negeri dan memperkenalkan kraftangan-kraftangan kita yang diinginkan oleh segenap pihak. Pegawai-pegawai yang dedikasi dan yang penting memahami hasrat pengusaha dan pengguna mestilah diadakan. Tidak perlu kepada perkataan besar-besaran sahaja, tetapi kemajuanlah yang paling penting dan perlu. Bagi pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pengawalan hendaklah meliputi dari segala aspek pentadbiran dalam menjalankan perusahaan, pemasaran, maruah dan nama kraftangan serta kewangan mestilah diambil perhatian jangan meninggal pada nama sahaja, sebab kita sudah lihat dalam perusahaan batik yang telah sudah di mana bagi pihak pengusaha dan bagi pihak yang menyediakan itu memang ada kemahuan dan ada kebolehan, tetapi malangnya seperti yang kita tahu hari ini pasaran-pasaran yang datang begitu hebat dari luar kepada sebahagian pihak kraftangan ini terpaksa dihentikan sebagaimana kata Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap dahulu daripada saya iaitu kain putih tidak ada stok lagi. Jadi dalam masalah ini mesti diambil perhatian juga oleh pihak berkenaan dan lagi dalam pasaran ini janganlah pada mulanya digembar-gemburkan kepada bumiputera dan kepada anak tempatan, tetapi akhirnya terlepas daripada hak yang sebenarnya, pergi pindah kepada yang lain untuk memajukan pasaran ini.

Jadi kepada Yang Berhormat Menteri, mestilah mengambil perhatian kalau sekiranya Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini berjalan dan terlaksana maka perhatian yang berat mestilah diberikan. Inilah sahaja pendapat yang saya perlu memberi teguran.

#### 4.05 ptg.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang membawa Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan

Kraftangan Malaysia 1979. Saya ingat inilah langkah yang baik sekali dibuat oleh Kerajaan menubuhkan satu perbadanan dan dikeluarkan daripada MARA, bererti perbadanan ini akan berjalan dengan sendirinya di bawah Akta sebagaimana yang ada di hadapan kita.

Saya menjunjung tinggi atas langkah Kerajaan ini. Yang pertama sekali saya berharap iaitu dalam kraftangan ini termasuklah batik, songket, kain sutera, kain benang, patung-patung, layang-layang, beg rotan, tikar, tembaga, perak dan sebagainya. Saya tidak payahlah detailkan, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan lagi pakar daripada saya. Jadi yang paling mustahak menubuhkan ini saya harap diangkat Ketua Pengarah atau Lembaga Pengarah dalam Jumaah Lembaga ini biarlah diangkat orang yang betul-betul pakar dalam perkara yang berkenaan. Ini yang paling mustahak, kalau tidak berapa ribu juta pun Kerajaan menaruhkan wang dalam Lembaga ini tidak ada erti. Ini saya harap benarlah pakar-pakar kita yang berkenaan dalam segala pihak ini dapat duduk dalam Lembaga ini kerana faedah Lembaga ini. Dan saya tahu tujuan ini pada mulanya saya fikir Kerajaan tentulah bukan kerana hendak mencari untung di sini bahkan hendak memelihara ahli-ahli kraftangan ini supaya dia dapat hidup atau tegak di atas kakinya sendiri.

Mengikut Dasar Ekonomi Baru sebagaimana Menteri yang berkenaan telah memaklumkan dalam Dewan ini, pada tahun hadapan akan diserahkan di peringkat-peringkat kepada pihak yang patut menerima. Jadi ini juga patut ditimbang oleh Menteri yang berkenaan orang-orang yang bersangkutan dengan kraftangan ini, dari sekarang ditajakan, patut orang itu pada satu hari akan mengambil alih Lembaga ini pada masa akan datang. Jadi tidak ada kecohnya, bila dia sudah ditubuhkan sekarang, dia sudah menjakan daripada sekarang insya Allah mudah-mudahan dia dapat menjalankan pada masa akan datang. Ini saya harap dapat diambil ingatan mudah-mudahan ini dapat mengikut dasar Kerajaan dan memberi puas hati kepada semua yang berkenaan. Orang-orang yang terlibat sahaja yang saya katakan, janganlah orang yang tidak terlibat walaupun bumiputera atau bukan bumiputera. Tetapi orang yang tidak ada terlibat dalam kraftangan apabila sudah bagus kemajuan Lembaga ini orang lain pula

hendak menenggek masuk ke sana, ini saya tidak bersetuju, saya bersetuju orang-orang yang terlibat sahaja.

Saya juga menasihatkan kepada pihak Kerajaan menimbang cara mana, macam mana dapat mempertahankan orang-orang yang terlibat ini supaya tidak tergendala perjalanannya. Ini satu daripadanya saya tahu dalam Undang-undang ini ada mengatakan pihak Perbadanan akan menubuhkan anak-anak syarikat dan sebagainya, semuanya ada dalam ini, tak payah saya cakapkan. Cuba kita tengok di negeri lain yang berhampiran di sebelah Asia ini, baik di Filipina, baik di Bangkok, kita boleh nampak kraftangan yang dijual, diadakan bazaar yang cukup besar selain daripada di lapangan terbang. Lapangan terbang kalau diambil baik di Bangkok, baik di Filipina memang dikhususkan kerana ini, tetapi lapangan terbang kita satu benda pun kita tidak boleh nampak, adalah layang-layang kecil, itu dua tiga ditaruhnya, tempat hendak berjual pun tak ada. Jadi lapangan terbang kita sini pun tidak menyesuaikan dengan keadaan negeri kita, inipun patut diambil ingatan oleh Menteri yang berkenaan supaya diubah, bukan kraftangan ini sahaja diubah tetapi tempat penjualan itu diubah.

Lembaga ini saya fikir tentulah akan membeli semua barang-barang yang dikeluarkan daripada ahli-ahli kraftangan ini dan Lembaga ini akan memasarkan, maka dengan itu terjamin ahli-ahli kraftangan ini daripada pengeluarannya tertentu. Saya nampak kalau langkah ini dibuat oleh Kerajaan adalah sangat baik kerana kalau kita pergi di negeri lain, umpamanya Jepun, di mana kita tengok semua kraftangan ini terlampau banyak, bersepah di mana-mana dan pelancong yang pergi itu mesti membeli lebih kurang sedikit bawa balik, tetapi kalau negeri kita ini kita tidak nampak apa benda yang kita hendak beli, hendak dibawa keluar negeri, hendak bawa balik ke negeri masing-masing.

Lagi satu perkara kalau hendak selamat Lembaga Kraftangan ini hendaklah juga Kerajaan memberi keistimewaan kepada Lembaga ini. Kalau Lembaga ini mustahak impot barang-barang daripada luar negeri yang tidak dapat di dalam negeri kalau tidak diberi keistimewaan kepada Lembaga ini hendak suruh dia bertanding dengan peniaga-peniaga yang lain, saya fikir ini ada

berat sedikit, kerana saya sudah cakap daripada mula pembukaan ucapan saya tadi, saya memikirkan Lembaga ini bukan semata-mata bertujuan hendak mencari untung besar, bahkan hendak menyelamatkan ahli-ahli kraftangan, dengan sebab itu Kerajaan beri keistimewaan mengimpot barang-barang dengan tak bercukai dan sebagainya supaya dapat dia menandingi harga-harga orang lain, syarikat-syarikat lain yang hendak membuat. Kalau tak dibuat begitu, suruh Lembaga ini juga bertanding dengan tak ada keistimewaan pada permulaannya, saya ingat susah sedikit. Ini pada pandangan saya. Saya harap dapat Kerajaan menimbang perkara ini.

Saya berharap Lembaga ini memikirkan kalau mustahak tempat latihan kraftangan ini daripada berbagai-bagai jenis kraftangan ini mesti diadakan: latihan kain, latihan buat itu, buat ini, buat barang-barang tembaga daripada Trengganu, buat barang-barang perak daripada Kelantan dan sebagainya. Tempat latihan ini mustahak diadakan, kalau tak ada, generasi yang akan datang memikirkan ini satu perkara yang tidak mustahak, duit tidak boleh dapat dengan lumayan, maka dia tidak ambil berat dalam perkara ini, maka saya ingat perjalanan itu akan putus.

Saya ingat memadai saya bercakap setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat menyokong langkah Kerajaan ini dan saya berdoa mudah-mudahan Lembaga ini dapat berjalan dengan jaya dan sempurna.

4.15 ptg.

**Puan Zawiah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana saya dapat peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang ini.

Sebelum saya menyokong Rang Undang-undang ini saya perlu menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini semua yang mana saya kurang bersetuju dengan perkataan "kraftangan", iaitu "craft" yang mana perkataan ini pada pendapat saya tidak mencerminkan keperibadian Melayu di mana perkataan "craft" ini adalah dari bahasa Inggeris padahal ada perkataan dalam bahasa Melayu yang lebih sesuai dan lebih tepat, jadi saya syorkan supaya perkataan itu ditukar menjadi "kemahiran tangan". Saya percaya perkataan ini adalah

meliputi semua aspek termasuk seni ukir, seni pahat, seni bina dan seni lukis. Perkataan ini juga mudah difahami walaupun kepada orang-orang yang tidak bersekolah. Saya mengatakan begitu kerana kadangkala ada setengah-setengah orang tersilap, daripada "kraf" itu "keras tangan" sebagaimana Tan Sri Ibu Zain melawat negeri saya diminta saya ini mengatur lawatan termasuklah Lembaga Kraftangan. Jadi beliau kata macam mana Trengganu buat "latihan keras tangan", keras macam mana? Dia tanya saya. Jadi saya kata: Bukan, sebenarnya "kraftangan". Katanya, kenapa tidak ditukarkan? Jadi itulah pendapat Tan Sri itupun sama dengan saya. Saya rasa eloklah ditukarkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini. Dengan adanya satu badan atau satu Lembaga yang seumpama ini sudah tentu akan mendapat perhatian lebih berat dalam masalah perkembangan dan kemajuan kemahiran tangan di mana negeri kita ini penuh dengan berbagai barang-barang hasil dari kerajinan tangan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum negeri-negeri di Pantai Timur, terutamanya negeri Trengganu dan Kelantan memang terkenal dengan berbagai-bagai pengukiran kemahiran tangan seperti tembaga, songket, batik, anyaman-anyaman dari mengkuang dan sekarang ini satu lagi perusahaan yang baru yang telah muncul, iaitu wau ataupun layang-layang yang direka dari berbagai bentuk dan rupa yang disulami pula dengan berbagai-bagai seni corak. Tetapi apa yang mendukacitakan perusahaan ini kurang mendapat perhatian dari pihak Kerajaan. Mereka ini menjalankan perusahaan secara kecil-kecilan, masih menjalankan tradisi lama di bawah-bawah rumah ataupun di bangsal-bangsal buruh sahaja dan pasarannya pula adalah terhad dengan melalui orang-orang tengah sahaja.

Apa yang saya dapati perusahaan tembaga di Trengganu sekarang tidak lagi banyak seperti dahulu. Ini disebabkan sebagaimana yang saya katakan tadi iaitu kurang pasaran dan persaingan hebat pula dengan barang-barang plastik dan aluminium. Dari persaingan yang hebat inilah saya syorkan supaya Lembaga ini mengambil perhatian yang lebih berat supaya dapat diusahakan dengan cara besar-besaran, kalau tidak dalam masa 10 tahun akan datang perusahaan ini akan lenyap kerana apa yang

diusahakan sekarang adalah dikendalikan oleh orang-orang tua sahaja dan belia-belia tidak begitu berminat dalam kerja-kerja ini.

Dalam usaha ini saya juga berharap supaya setiap badan-badan sukan menggunakan piala-piala ataupun perisai-perisai yang dibuat daripada tembaga bagi menghadihkan satu-satu kejohanan sukan kerana perkara ini adalah lebih bermutu dari apa yang dilakukan sekarang di mana piala-piala ataupun perisai-perisai adalah dibeli dari luar negeri, dengan cara inilah akan dapat menjamin perusahaan tersebut. Selain daripada itu juga di samping memperkenalkan usaha-usaha kemahiran tangan negara kita ini kepada negara-negara asing, saya juga mengesyorkan, pertama setiap cenderamata yang dipersembahkan kepada ketua-ketua negara asing yang datang melawat ke negara kita ini mestilah merupakan barang-barang kemahiran tangan, barang ini lebih bererti dari barang-barang yang lain. Kedua, setiap kedutaan kita di luar negeri patut mempamerkan barang-barang kemahiran tangan setiap kali mengadakan pameran barang-barang buatan Malaysia di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

4.20 ptg.

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana dapat membawa satu Bill yang sangat molek, iaitu Bill Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia tahun 1979 dan saya menyokong 100%, cuma pada pendapat saya Bill ini terlambat sedikit.

Sebelum saya memberi pandangan saya pada Bill ini, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Presiden kita, kerana telah dianugerahkan gelaran "Tun" yang sebesar-besar pangkat pada orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk memberi pandangan saya pada Bill ini. Bill ini sangat bagus, cuma terlambat sedikit sahaja. Undang-undang ini akan menghidupkan semula semangat orang-orang kampung di seluruh negara kita, iaitu mengambil bahagian balik seperti anyam-menganyam dari daun mengkuang untuk dijadikan tikar, beg tangan, beg kain-baju dan perhiasan dinding rumah.

Anyaman dari daun mengkuang ini boleh dikatakan banyak wanita kita tahu menganyam, membuat benda-benda yang saya katakan tadi bukan sahaja memberi pekerjaan pada wanita-wanita yang berminat, ini akan mendapatkan hasil yang banyak, begitu juga sulam-menyulam dari kain-kain songket untuk pengantin, untuk perhiasan rumah dan sebagainya. Pertukangan tangan membuat bermacam-macam anika dari perak, emas, tembaga dan suasa. Ini banyak orang lelaki mahir, khasnya dari Trengganu, Pahang dan Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelajah di seluruh negara kita, termasuk Sarawak dan Sabah dan begitu juga, saya dapati di Thailand, Filipina dan Indonesia, pertukangan kraftangan ini, sangat-sangat menggalakkan. Masa pemerintahan British dahulu, tiap-tiap tahun kita adakan pertunjukkan tangan ini dari tiap-tiap negeri diadakan di satu tempat yang kita panggil masa itu, ialah M.A.H.A. tetapi pada masa ini, tidak lagi dibuat, kita terlampau sebok dengan politik, kemudian bergaduh antara satu sama lain. Saya mencadangkan pada Kerajaan bahawa badan ini mesti ditubuhkan dengan segera dan dibiayai dengan modal yang banyak. Pendapat saya, kita mesti mengadakan satu kedai khas, di tiap-tiap negeri, iaitu 14 kedai khas, di tiap-tiap bandar Kepala Negeri satu buah kedai, kita isi dengan segala barang-barang dari anyaman daun mengkuang, dari barang-barang yang dibuat dari emas, perak, suasa dan tembaga barang-barang yang dibuat dari buluh, rotan, enau, kulit-kulit kayu, kulit-kulit kerang, kulit-kulit ketam dan batu karang.

Di Kuala Lumpur ini, saya mencadangkan pada Kerajaan supaya Restoran Rakyat yang ada sekarang, tempat menunjukkan dan menjual segala anikaragam pertukangan orang-orang kita ini. Kita pecahkan restoran itu, buat 2 tingkat, sebelah bawah untuk barang-barang ini dipamerkan dan dijual, dan sebelah atas pula untuk restoran. Bukan sahaja orang-orang Melayu yang akan membeli barang-barang ini, tetapi banyak orang-orang bukan Melayu suka pada barang-barang buatan orang ini iaitu kraftangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya badan Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini kita akan tengok tempurung kelapa akan berguna untuk membuat perhiasan, seperti tempat abu rokok (ash-tray), cawan-cawan tempat minum teh dan kopi dan harga barang-barang

yang dibuat dari tempurung kelapa ini murah, tidak seperti kaca. Pada masa ini, tempurung kelapa dibuang begitu sahaja, tidak dijadikan wang. Dengan adanya perbadanan ini, tempurung kelapa tidak lagi akan dibuang, begitu, juga buluh-buluh yang ada di negara kita ini akan berguna dibuat meja cermin, kerusi buluh yang moden, dicat dengan warna warni, saya percaya kerusi set dibuat dari buluh lagi cantik dari kerusi set rotan. Harganya pun murah dan buluh-buluh dalam hutan tidak akan terbuang sahaja seperti sekarang. Kita mahu tengok pada tahun 1980, di rumah-rumah orang kaya, di hotel-hotel dan di restoran-restoran, kerusi meja diperbuat dari buluh negara kita sendiri dan tempat minum dan ash-tray dari tempurung kelapa yang ada di negara kita. Ini juga satu jalan untuk mengurangkan harga barang-barang perhiasan rumah-rumah, sama ada rumah orang kaya, atau rumah orang yang bernasib kurang baik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya terubuh badan kemajuan Kraftangan ini, insya Allah akan mendapat pekerjaan pada orang-orang kampung yang mahir menganyam, menekat, membuat sulam menyulam, membuat barang-barang dari emas, perak, suasa dan tembaga, barang-barang dari tempurung kelapa dan barang-barang dari buluh, dari kulit kayu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri pandangan saya ini, untuk mengembalikan wang Kerajaan, kerana penubuhan lembaga ini, saya mencadangkan kepada Kerajaan, kita adakan hari pelancaran Lembaga ini secara besar-besaran iaitu kita adakan di Kuala Lumpur, tiga hari tiga malam. Kalau semasa British kita boleh buat pameran M.A.H.A. mengapa dalam pemerintahan kita sendiri kita tidak boleh buat? Kita adakan berpuh-puluh gerai untuk pameran segala jenis pertukangan tangan orang-orang kita Melayu dan kita jual. Begitu juga jualan barang makanan, jualan tiket-tiket bangsawan, dan begitu juga kita adakan pertunjukan wayang gambar, kita adakan pertandingan kugiran Melayu, pertandingan gasing. Saya percaya Kerajaan kita boleh mengutip wang tidak kurang dari \$5 juta, tiga hari tiga malam tolak belanja, sekurang-kurangnya kita boleh untung bersih \$3 juta. Orang-orang Melayu sekarang kaya, sebab harga getah dan harga

kelapa sawit mahal. Saya percaya kalau kena dengan penerangan yang cukup, kita akan tengok, sekurangnya 2 juta orang Melayu dan bukan Melayu akan membanjiri pertunjukan yang akan kita adakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya pada Bill ini dan saya menyokong 100% untuk diluluskan.

4.26 *ptg.*

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Menteri dan juga kepada Kerajaan yang mana telah membuat satu undang-undang Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia ini.

Saya juga turut gembira kerana satu perkara yang lebih penting kepada orang-orang Melayu sebagaimana kata sahabat-sahabat saya yang telah bercakap tadi mengatakan bahawa orang-orang Melayu di seluruh Malaysia ini boleh membuat barang-barang keperluan rumahtangga dan perhiasan juga serba-serbi kelengkapan. Tetapi apa yang mendukacitakan, kerana saya telah lihat bagaimana orang-orang buta, orang-orang yang tidak nampak telah membuat barang segala kegunaan rumahtangga, tetapi tidak ada orang yang akan membelinya. Mereka juga merayau kesana kemari di tengah jalan tetapi tidak ada siapa pun membeli barang-barang mereka itu. Ini patutlah diambil tindakan oleh Menteri yang berkenaan.

Begitu juga nasib budak-budak di Pusat Pemulihan Dadah yang saya lawat dengan beberapa orang di mana anak-anak itu membuat segala kerusi dan meja, tetapi Menteri-menteri kita tidak mahu membelinya. Mereka pergi order alat-alat yang mahal-mahal lagi cantik. Mengapa? Selalu kita membuat pindaan atau membuat undang-undang tetapi undang-undang ini siapkah yang langgar? Begitu juga sahabat-sahabat saya tadi telah mengatakan di Pulau Pinang ada seorang wanita yang paling cekap sekali telah membuat kain batik, harganya sangat mahal, tetapi banyak pelanggannya daripada luar negeri yang suka mengimpot atau membeli sehingga sekarang ini mereka akan membuat kilang tetapi sebagaimana yang telah dikatakan oleh sahabat saya tadi bahawa kain dan barang-barang keperluan untuk membuat batik itu tidak ada. Ini diharap Menteri akan siasat, janganlah Menteri membuat satu undang-undang seperti ini hanya di dalam kertas tetapi siasatannya tidak dijalankan.

Saya berharap jikalau hendak mengambil pegawai hari ini—saya hendak marah juga kepada pegawai, kerana setengah-setengah pegawai itu apabila mereka keluar dari universiti atau sekolah tinggi, perasaan mereka itu seolah-olah mereka sudah menjadi “raja”. Janganlah begitu, kerana kita orang Melayu hari ini sudahpun merdeka berpuluh tahun tetapi orang Melayu begitu juga tidak ada kelebihannya. Kelebihan yang ada hanya Yang Berhormat Menteri boleh duduk di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jadi, pilihlah orang yang betul-betul bersemangat dan berjiwa kebangsaan dan yang tidak menipu Kerajaan.

Begitu juga pinjaman ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau betul-betul mereka itu hendak membuat satu-satu benda hendaklah diasas dan pergi melihat adakah benda-benda itu sudah dijalankan. Tetapi hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan yang saya tahu dan saya telah tengok dalam akhbar tidak ada perniagaan, tidak ada apa-apa tetapi dengan senang-lenang, ada penyokong yang kuat boleh meminjam beratus ribu dan juta ringgit tetapi tidak dibayar balik, perniagaannya tidak ada. Jadi, inilah sahaja yang saya hendak bercakap kerana di Pulau Pinang banyak sangat anak-anak yang menggagur. Ada yang lulus S.P.M. dan S.T.P. tetapi tidak ada pekerjaan. Mereka susah hati menghisap dadah, masuk jail. Di Pulau Pinang Yang Berhormat Menteri tahulah bagaimana-kah kedudukannya, saya tidak mahu bercakap kalau saya bercakap samalah seperti kata orang tua-tua ludah ke langit timpa batang hidung sendiri. Jadi, saya berharap kalau perkara ini hendak dijalankan janganlah cepat sangat, selidik dahulu. Sahabat saya menyokong supaya dicepatkan, itu saya tidak suka, tetapi selidiklah betul-betul supaya semua rakyat yang tidak bekerja dapat pekerjaan, kesenangan serta kemewahan, janganlah kita sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat ini menerima elaun \$1,000 sebulan.

Demikianlah ucapan saya dan diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membawa Rang Undang-undang ini.

4.34 *ptg.*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang dibentangkan di dalam Dewan ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah sedar dalam masalah perlunya diadakan satu Perbadanan Kemajuan Kraftangan di negara kita ini. Kita sudah ketinggalan menubuhkan Perbadanan ini lebih kurang 20 tahun, sepatutnya mula-mula merdeka dahulu kita sudah adakan Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini kerana inilah satu unsur rasa selain daripada meninggikan kebudayaan negara, ia boleh mendatangkan sumber kewangan di negara kita ini dan menolong orang-orang kampung yang ada sedikit sebanyak kemahiran di dalam kerja-kerja membuat kraftangan untuk dijual kepada pelancung-pelancung sama ada dalam negeri atau di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh di dalam Rang Undang-undang ini iaitu di dalam masalah Keanggotaan Perbadanan. Walaupun tadi Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini telah menyentuh dalam perkara ini, tetapi saya suka juga memberikan pendapat saya. Dalam Fasal 4 (1) Rang Undang-undang ini menyatakan Perbadanan hendaklah terdiri dari ahli-ahli berikut, iaitu—

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) Ketua Pengarah; dan
- (d) tidak kurang daripada lima tetapi tidak lebih daripada sembilan ahli lain yang sekurang-kurangnya tiga daripadanya adalah pegawai-pegawai awam.

Dalam perkara ini, yang pertama saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat melantik Ketua Pengarah dan ahli-ahlinya itu yang benar-benar ada pengalaman yang cekap, berkemampuan dan bercita-cita hendak meninggikan kemajuan kraftangan di masa akan datang.

Di sini juga saya suka memberi pandangan bukan di Pusat sahaja ada Perbadanan ini tetapi patut diperkembangkan pada masa akan datang di tiap-tiap Negeri. Dengan cara ini baharulah kemajuan perusahaan kraftangan dapat berkembang. Saya berpendapat sedemikian kerana dalam tiap-tiap Negeri ada unsur kemajuan kraftangan masing-masing. Umpamanya, di Kelantan ada kemajuan kraftangan dalam hal tembaga, besi, parang, senduk, keris, dan sebagainya.

Bagi kami di Melaka pula pisau, rompong sumpit, anyaman bakul daripada buluh, tudung saji, kereta lembu, kereta kerbau, kereta kuda dan banyak lagi unsur-unsur yang berlainan. Macam di negeri Trengganu atau Kelantan ada wau dan lain-lain. Jadi, saya rasa perlu pihak Kementerian yang berkenaan mengadakan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahlinya di tiap-tiap Negeri supaya mereka dekat dengan pihak pengeluar-pengeluar dan pengusaha-pengusaha yang ada di negeri-negeri itu. Saya rasa dengan cara ini akan lebih berkembang dan maju usaha Kerajaan menubuhkan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, berhubung dengan Fasal 8 iaitu mengadakan kemudahan-kemudahan latihan dan mengawasi pelaksanaan projek-projek dan program-program latihan. Saya rasa ini tidak cukup. Pada pendapat saya, dengan mengadakan kemudahan latihan-latihan, jawabnya tidak ada. Jadi, sebagaimana salah satu daripada ucapan tadi mengatakan dalam masa 5 tahun, 10 tahun tutup dan bankrap kerana tidak ada mempunyai asas. Saya mengharapkan dan saya mengesyorkan supaya Kementerian ini mengadakan satu sekolah khas membimbing anak-anak muda ini mana yang cenderung daripada Tingkatan III sama ada orang daripada Kelantan, daripada Trengganu, daripada Melaka, Johor, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak iaitu diberi satu latihan khas sekurang-kurangnya 5 tahun supaya dia menjadi jurulatih keluar ke kampung-kampung, ke negeri masing-masing yang mana kemahiran dalam hal anyaman dia keluar, dia pergi ke Melaka, yang mana kemahiran dalam tukang besi dia pergi ke Trengganu, yang mana kemahiran tukang perak dan tembaga, suasa, dia pergi ke Kelantan. Macam itulah caranya. Jadi, latihan 5 tahun saya rasa macam taraf universiti kraftangan.

Jadi latihan itu 5 tahun, macam taraf universiti, jangan nanti masuk suku, kalau hendak buat, buat betul-betul. Masuk suku susah, masuk habis-habis. Dengan itu, saya rasa baharulah Undang-undang ini dapat terjamin di masa akan datang dan mencerminkan Lembaga Perusahaan Kraftangan Malaysia ini akan berkembang sampai bila-bila masa akan datang. Tetapi jika diadakan latihan sahaja tidak cukup.

Selain daripada itu saya suka mengesyorkan bukan sahaja mengadakan sekolah latihan untuk membuat benda-benda itu tetapi hendaklah diberi satu sumber lagi supaya satu bahagian daripadanya ahli terlatih itu mesti diberi latihan pemasaran, berniaga (commerce). Jadi ada satu cabang. Jangan dia tahu buat gambar sahaja, buat patung, tudung saji, titik itu titik ini, tetapi bila hendak menjualkan tidak tahu. Kemudian dia akan dimainkan oleh orang tengah pula dan orang tengah ini pula nanti akan dapat dua kali (double) untung. Dia tahu buat tetapi dia tidak tahu jual. Inilah sebabnya maka dalam ucapan Yang Berhormat Menteri mengatakan amat ragu mengenai tukang perak dan tembaga yang 10,000, kemana hendak pergi. Ini sebab apa? Fasal pasaran, tidak dapat hendak dijual. Adapun hendak dijual tetapi tidak tahu hendak membawa ke luar negeri, cara hendak memperdagangkan tidak faham, sebab orang-orang lama seramai 10,000 ini tidak bersekolah tinggi, hanya berkelulusan Enam Melayu Di Raja. Sekarang kita bukan dengan kelulusan Enam Melayu Di Raja lagi. Kerajaan kita sudah menubuhkan institusi pelajaran tinggi.

Kita bagi pihak Kerajaan mestilah membuat persediaan jangka panjang di masa akan datang supaya Lembaga Kraftangan dan perusahaan-perusahaan tangan ini dapat dimajukan dan dikenali pula oleh seluruh dunia iaitu Perusahaan Kraftangan Malaysia yang bermutu, ada nilai. Bukan macam sampah dicampak buang sahaja, buat bakul atau rompong pun tidak betul. Itu kita tidak mahu. Jadi pandangan daripada luar, ertinya apabila kualiti kita kurang nilai ekonominya pun rendah. Itu satu perkara sama ada hendak dipakai, itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri, hendak pakai pakailah, tidak hendak pakai, habis cerita saya. Tetapi saya terpaksa cakap di mana yang saya fikir betul.

Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya dan saya menyokong sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 1979.

4.44 ptg.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbadanan

Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya Undang-undang ini dibuat tidak menjejaskan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Menteri yang berkenaan semalam iaitu 10,000 orang lebih kurang, kraftangan pembuatan perak dan tembaga, dan 7,000 anyaman di seluruh Malaysia supaya mereka ini tidak menerima kerugian.

Ini saya memandangkan sebagaimana batik umpamanya dahulu dibuat di Kelantan begitu popular tetapi sekarang oleh kerana ada orang tengah yang mengambil kesempatan sehinggakan kraftangan batik itu sekarang meleset terutama di Kelantan dan Trengganu kerana ada persaingan orang-orang yang begitu besar ada kemampuan mengeluarkan wang yang banyak maka orang-orang ini akan menerima penderitaan. Oleh itu saya berharap supaya perkara ini dapat diawasi. Kita takut perkara ini akan dimonopoli oleh golongan-golongan yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar rakan-rakan Yang Berhormat menyuarakan dan memberi pandangan, dan sekarang ini saya memberi pandangan berhubung dengan kraftangan yang ada di negara kita ini. Umpamanya di Kelantan yang termasyhur dengan kraftangan perak, tembaga, kain dan sebagainya supaya kraftangan-kraftangan yang ada di dalam negeri-negeri tersebut supaya jangan dibawa ke luar daripada negeri itu sendiri. Umpamanya batik yang termasyhur di Kelantan janganlah pula dibuat batik itu ada pula di Kampung Pelambaian umpamanya, sudah hilang batik asli di Kelantan itu. Begitu juga di Melaka sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu termasyhur dengan kereta lembu, rompong, tikar dan sebagainya, begitu juga Johor, Negeri Sembilan dan sebagainya supaya dikekalkan di tiap-tiap negeri itu.

Di samping itu, Kerajaan juga dapat membawa pelancung-pelancung ke negeri-negeri tersebut menunjukkan hasil kraftangan-kraftangan di tiap-tiap negeri itu. Rasa saya ini lebih menguntungkan lagi supaya jangan pula umpamanya di Kelantan bertumpu di Kuala Lumpur dibuat. Jadi pelancung-pelancung bila datang ke Malaysia tidak payah pergi ke negeri-negeri yang

berkenaan lagi. Ini rasa saya dengan keadaan ini negeri yang asal yang mana tradisi sebagaimana saya katakan tadi akan hilang. Inilah harapan saya supaya dapat dijaga oleh pihak Menteri yang berkenaan supaya jangan daripada negeri sini dibawa ke sana umpamanya, biarlah dalam negeri itu sendiri.

Di samping itu kita mengagung-agungkan pada hari ini supaya Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditempokkan selama 15 minit. Ahli Yang Berhormat boleh sambung ucapan itu nanti.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.48 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya sebentar tadi berhubung dengan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979.

Saya tidak berhajat hendak menyambung begitu panjang lagi, tetapi hanya saya berharap apabila Rang Undang-undang ini telah diluluskan supaya betul-betul dijalankan kraftangan ataupun pertukangan-pertukangan tangan ini, harus digunakan umpamanya pada tempat-tempat yang mustahak di Dewan-dewan yang mustahak gunakanlah pertukangan-pertukangan tangan daripada negeri-negeri yang ada di Malaysia ini. Umpamanya kerusi Tuan Yang di-Pertua itu harus juga, rasa saya dibuat daripada pertukangan tangan dan yang lain-lain lagi. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini.

*5.06 ptg.*

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini bukan kerana kraftangan ini kesenian negara—tidak. Kalau kita memikirkan kraftangan ini kesenian, kalau tidak difikirkan keuntungan, akhirnya kraftangan ini tinggal kraftangan sahaja. Jadi saya hendak bercakap berkenaan kraftangan ini

sebagai satu perniagaan, sungguhpun dipandang kecil tetapi dengan diadakan cara besar-besaran, ianya boleh mendapat keuntungan, itu mesti difikirkan, bukan kerana benda seperti tudung saji cantik, ulu parang bagus, kereta lembu elok—ini tidak ada, ini saya tidak hendak bercakap. Kalau kita memikirkan kesenian, kita taruh sahaja di pejabat-pejabat—ini kesenian Melayu, ini kesenian kita, itu sahaja sudah jadi.

Saya hendak bercakap di atas perkara ini sebagai seorang peniaga, pandangan ini saya hendak tumpukan supaya kita jangan meraba-raba macam orang buta dengan gajah. Seorang buta mengatakan apabila diraba kaki gajah, gajah ini macam tiang rupanya, betul juga kakinya macam tiang. Kemudian apabila diraba belalainya mengatakan belalainya macam ular sawa, betul juga belalai gajah ini macam ular sawa, tetapi bukan semua gajah begini. Apabila diraba telinga gajah, ini dikatakan seperti kipas, betul juga telinga gajah itu menguit-nguit macam kipas. Tetapi perkara ini mestilah dipandang dari segi keseluruhannya, mesti dikaji supaya kraftangan ini maju macam mana negeri luar yang maju dan telah berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masa penjajah dahulu bukan tidak ada kraftangan. Seperti Ahli Yang Berhormat yang baru bercakap tadi mengatakan iaitu kraftangan memang ada—tidak mati. Tiap-tiap tahun ada pertunjukan di MAHA di Kuala Lumpur, dahulunya di Petaling Jaya yang mempamerkan hasil kraftangan. Tetapi majukah kraftangan kita? Tiap-tiap tahun ditunjukkan mengapa tidak maju? Ini mesti dikaji apa sebabnya kraftangan kita dahulu tidak maju. Kraftangan kita tidak maju kerana di masa hendak diadakan pertunjukan itu, masa itu saya menjadi Pegawai Daerah, masing-masing pinjam semuanya. Oleh sebab kita hendak nama, kita panggil semua orang di satu daerah untuk membawa sebilah parang, sebiji bakul, hendak dibuat pertunjukan sahaja, dibawa ke Kuala Lumpur bagi pertunjukan tiap-tiap tahun. Balik-balik itu sahaja yang ditunjukkan—sarung parang, batang cangkul, terendak dan kerbau kurus itu lagi yang diletakkan kalau ada exhibition pertanian. Beginikah yang kita hendakkan?

Ini sebabnya saya fikir Kementerian Perusahaannya sudah memikirkan perkara ini barangkali Melayu mesti maju, bumiputra mesti maju, orang Malaysia ini mesti maju, kraftangan mesti maju, bukan cara penjajah

dahulu. Masa penjajah dahulu ditunjuk sahaja satisfaction, oleh sebab sudah ditunjuk sudahlah, nanti dibeli oleh orang, kadang-kadang pula bertulis "tidak boleh dijual", apa sebab ditunjuk sana tidak boleh dijual. Apa sebab tidak boleh dijual? Sebab orang punya dan barang itu satu sahaja tak boleh dijual. Ini sebabnya saya mengatakan pada hari ini barangkali Kementerian yang bertanggungjawab memikirkan ini mesti diubah, cara-cara mengubahnya itulah yang saya hendak bercakap pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa sebabnya kraftangan kita merosot? Satu daripada sebab-sebabnya merosot, mengapa orang kampung tidak mahu buat. Bukan orang kampung tak hendak buat, bukan orang kampung tidak hendak ukur, kerja tak ada di kampung, tentu dia hendak buat tetapi pasaran tidak ada—buat tudung saji, pasaran tak ada. Orang-orang Melayu kita, barangkali Yang Berhormat tahu sendiri, pergi ke Singapura menjual tudung saji, orang Melayu bawa lori pergi ke sana menjual tudung saji, itupun harganya tidak tetap. Pergi ke Singapura duduk di masjid dan sebagainya, itu orang kita pergi berniaga begitu susah mendapatkan pasaran. Itu bagi tudung saji, tikar dan sebagainya tetapi yang lain-lain bagaimana? Hampir tenggelam oleh kerana pasaran. Bukan tak ada pasaran pula, ada pasaran. Sebab apa tak ada dalam negeri yang moden ini begitu banyak orang datang, begitulah banyak orang hendak membeli, fasal apa tak ada pasaran, sebab Kerajaan kita sungguhpun sudah mereka 20 tahun tidak mencarikan pasaran langsung kepada kraftangan-kraftangan ini. Adakah kita carikan kraftangan supaya dijual? Kalau orang Indonesia ada headquartersnya di San Francisco untuk kraftangan-kraftangannya, kepada kita, tunggu orang datang ke sini, 10 orang tourist datang ke Kuala Lumpur, 10 orang dalam setahun itu hendak dijual. Tidak macam di Singapura, di mana orang negara lain datang singgah ke sana, kita sudah pulang dari Singapura pula membuatnya, tidak ada kita dapat tempat itu lagi. Tidak ada siapa tourist hendak datang ke Kuala Lumpur, hendak tengok pokok getah sahaja-kah, hendak tengok kelapa sawit—tidak, bukannya tourist hendak tengok itu. Dengan sebab itu kita terpaksa mencari pasaran yang tetap.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran pula mestilah dibuat dengan banyak, nanti orang datang order, kalau kita sudah letakkan

pegawai-pegawai itu ke sana nanti, orang buat order berapa banyak dikehendaki. Bukan orang hendak dua, hendak tiga, bukan hendak 10, hendak minta 100,000 pasang, 1,000 tikar, hendak masanya 3 bulan mesti kita keluarkan. Bolehkah kita supply? Bolehkah kita dapat keluarkan perkara ini? Tidak dapat, tidak boleh. Jikalau kita buat satu kilang, misalnya orang berkehendakkan production kita, misalnya satu bulan 500 tan, masih tetap 500 tan atau lebih sebab pasaran ini ia terus-menerus, bukan dia stagnant begitu tetapi dia akan naik, jadi tentulah berkehendakkan lebih banyak lagi, bolehkah kita menampung pesanan-pesanan ini? Ini bukan apa, berkenaan dengan kraftangan ini ada orang Amerika datang. Tugas saya sebagai bumiputra dan juga orang Malaysia saya bukan duduk diam tetapi mencari siapa hendak pasarkan. Di Filipina, Tuan Yang di-Pertua, kraftangannya bermillion dijual di Amerika tetapi apa sebab kraftangan Malaysia tidak boleh dijual, sebab barangnya tak ada. Orang Amerika itu kalau besok pun kita boleh keluarkan saya boleh berhubung dengan orang Amerika, sebabnya kita tidak dapat mengeluarkan, sebabnya Kementerian yang bertanggungjawab dahulunya baik MARA, UDA, baik apa sekalipun, tidak ada langsung, saya kata langsung ada sedikit-sedikitlah tetapi katakan langsung maknanya sipar, tidak betul diberi tugas yang sebenar-benar. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri bersetuju di atas apa yang saya cakapkan ini.

Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan kata hendak buat batik ada 10,000 atau 20,000 orang buat batik, buat perak nanti tak bekerja, kerana apa, pasaran di luar tak ada. Orang ingat tiap-tiap hari orang Malaysia hendak beli perak. Sungguhpun saya sayang kepada bangsa saya, saya ini adalah seorang nationalist takkan tiap-tiap hari hendak beli perak, tiap-tiap hari hendak pakai baju batik, takkan begitu. Tengok melambung dibuat batik, tak terjual-jual, masing-masing hendak buat batik sebab batik laku, akhirnya tak terjual, tengok di kedai-kedai. Itu sebabnya dunia ini luas pasarannya. Pasarannya mesti dicari dan juga lepas itu pengeluarannya itu mesti dijamin, jangan hari ini keluarkan elok, besok merosot—mesti dijamin iaitu kalau membuat kertas, kertas itu mesti begini gaya hijaunya dan mutunya itu serupa. Jangan nanti keluar kertas ini akhirnya keluarnya lain pula, besok

biru-biru sedikit—tidak boleh dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Ini dalam dunia perniagaan juga kalau kesenian biarlah begitu—tidak boleh, siap hendak membeli, mesti elok.

Ini adalah nasihat saya, Tuan Yang di-Pertua, yang saya beri selain daripada kesenian Melayu tadi, bukan kerana menentang kesenian—tidak, elok kesenian ini seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi buat itu kesenian, lepas buat kerusi apa hendak buat. Lepas itu tak dapat jual kerusi lagi sebab rumah saya sudah ada kerusi macam mana hendak jual lagi. Jadi kesenian ini ada juga yang kita hadkan tetapi tujuan kita mestilah dijual dan dapat pekerjaan kepada orang-orang kampung. Ini yang mustahak sekali.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kata kesenian meraut rotan biar mahir, rautlah rotan itu sampaikan tangan sudah keras-keras meraut rotan sebab kemahiran tangan, beginikah kehendaknya? Ini mestilah juga diperhatikan sebab kemahiran tadi biar tangan habis begitu, satu jam boleh raut 3 batang rotan apa gunanya, itu tak berguna sebab dalam competition juga nanti kalau barang kita itu laku orang lain juga akan tiru, di Filipina akan tiru, di Indonesia akan tiru dan lain-lain akan tiru juga. Macam sekarang kita keluarkan kain batik, Filipina mengeluarkan batik, Indonesia mengeluarkan batik, Singapura mengeluarkan batik, sebab itu kita ada competition. Dalam perkara ini ada competition. Janganlah kita memikirkan kemahiran kita ambil pisau raut, masa dahulu ada pisau yang melentik begitu kita raut rotan, raut juga tidak boleh lagi. Kalau hendak raut itu betul-betul ada mesinnya yang boleh masuk sahaja rotan dia belah dan sambil dia belah dia raut elok-elok, licin-licin dan dapat pengeluaran yang banyak lagi elok, kemudian barulah barangkali hendak raut sedikit-sedikit dengan tangan. Jadi jangan ditumpukan kepada usaha tangan sahaja. Itu yang mustahak sekali.

Saya menengok sendiri, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bercakap ini ada sedikit sebanyak saya menengok. Saya menengok orang Jepun tahu buat barang kesenian juga tetapi dia ada mempunyai mesin-mesin iaitu orang-orang kampung 10-20 rumah berkumpul masing-masing bekerja di situ. Itulah dia nasihat saya mestilah memakai mesin-mesin yang moden yang boleh mengeluarkan hasil sebanyak-banyaknya. Ada orang Amerika memesan layang-layang, dia bukan

hendak satu tetapi dia hendak 10,000-100,000 layang-layang. Ini juga kita mesti keluarkan tetapi macam mana hendak keluarkan dengan cara banyak? Apa dia hendak buat layang-layang itu? Apabila tiba masanya, dia tak hendak secara mahal, dia hendak main layang-layang di tepi pantai pada musim angin. Dan juga dia hendak kain batik iaitu dia hendak batik “menutup dada” perempuan. Dia minta beratus ribu, dia minta kita tak dapat hendak supply, kita tak dapat hendak keluarkan. Batik ini adalah hasil bahan-bahan kita, kita hendak buat benda itu, menutup dada itu secara banyak dan apabila keluar secara banyak, kita tidak boleh menjual mahal. Kalau harganya \$1.50 kita tak boleh jual \$1.50. Kita boleh turunkan harganya oleh kerana keluaran banyak kita keluarkan misalnya jenis \$1.50 satu helai, kalau kita jual borong kita boleh jual \$1.00 sehelai kerana banyak keluaran maka keuntungannya lebih. Jadi ini mesti difikirkan.

Selain daripada itu bahan-bahan juga penting. Bahan yang sekarang digunakan hendak buat tikar, hanya boleh buat 30 helai tikar. Tetapi 10,000 tikar, bolehkah kita keluarkan? Sebab mengkuang tak ada, sudah tanamkah mengkuang beribu-ribu ekar? Malangnya tak ada, pandan tak ada. Jadi kalau hendak keluarkan tikar dengan banyak terpaksa kita mengadakan ladang mengkuang. Jadi tak ada kekurangan bahan. Sekarang ini kita hanya boleh keluarkan 100 helai tikar sahaja. Sungguhpun kita memang boleh mengeluarkan berbagai kerjatangan, tetapi bolehkah buat secara banyak? Ini, Tuan Yang di-Pertua, mesti kita peringatkan dan saya ingatkan di sini oleh kerana jangan nanti terburu-buru. Kerana perkara ini sudah dibuat, contohnya di Kuala Pilah. Ada satu kilang konon-kononnya hendak buat perusahaan memproses buah susu. Dia beli mesin dan segala alat moden, buah susu tak sampai 10 biji. Dia beli mesin. Akhirnya beratus ribu ringgit modal habis begitu sahaja. Apa hendak buat, bahan tak ada. Itu sebabnya saya katakan bahan adalah mustahak. Begitu juga tikar rotan. Pada masa dahulu di zaman datuk nenek kita rotan ditanam oleh orang, tetapi sekarang didapati dalam hutan sahaja. Memang ada, tetapi hutan pun sekarang sudah habis, bagaimana hendak dapat rotan, sebab sudah disapu oleh FELDA barangkali. Jadi rotan itu pun terpaksa kita buat tanah rizab di mana kita

mesti dapatkan bahan seperti rotan atau lain-lain bahan. Kita mesti tengok supaya jangan nanti tergendala rancangan-rancangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu masalah modal adalah penting. Modal ini penting kepada bumiputra. Jadi terima kasih kepada Bank Bumiputra jika boleh menolong. Jikalau tidak nanti gagal bumiputra, sebab ini bukan hendak main-main, tetapi kita hendak buat perusahaan ini hendak menjual dan berniaga mesti ada modal. Ini modal penting bukan cukup \$100 sahaja. Jadi adakah Bank Bumiputra misalnya boleh beri modal yang banyak. Ini yang penting juga oleh kerana kalau tak banyak modal, walau bagaimanapun, bumiputra hendak berniaga tidak boleh bergerak. Oleh itu, terpaksa Perbadanan ini menjamin, kerana individu bumiputra tak dapat meminjam dengan cara perseorangan kalau sandaran tak ada, kerana kalau kita pergi kepada Bank Bumiputra dengan mendakwa; Saya ini bumiputra, saya ada hak istimewa, saya hendak pinjam duit. Bank Bumiputra kata: pergi mampuslah engkau—Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tak ada sandaran tak timbul soal hak istimewa bumiputra. Sekurangnya sandaran tanah Malay Reserve mesti ada, kalau tidak, macam mana pula tiap-tiap orang bumiputra hendak berniaga pinjam wang tanpa sandaran. Akhirnya bankrap Bank Bumiputra. Jadi, itu sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, jaminan ini perlu dan terpaksa Perbadanan ini bertanggungjawab dan mestilah menyiasat orang yang betul-betul hendak berniaga mengeluarkan perusahaan kraftangan. Adakah pihak yang sanggup menjamin kerana orang yang mengeluarkan perusahaan ini bukan satu-dua orang yang hendak meminjam. Jadi mestilah dijamin oleh Lembaga ini. Kalau hendak modal mesti dijamin terutama sekali yang melakukan perusahaan kraftangan ini bumiputra. Kalau hendakkan bumiputra maju ataupun siapa sahaja maju, dengan sebab itu modal adalah penting di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah bercakap panjang di atas perkara ini. Ini bukanlah mengecam tetapi sebelum kita mengambil langkah terutama sekali di dalam dunia perniagaan dan perusahaan, bukan secara hendak bersilat, kita mesti kena tengok. Sebab banyak kita sudah tengok bukan sahaja individu Melayu, tetapi MARA sudah bengkrap. Beberapa banyak syarikat MARA sudah bankrap. Contohnya, kilang UBIU habis lesap. Apa yang dibelinya mesin buat

kayu, mesin hendak mengilang jagung dijadikan untuk ubi kayu. Macam mana kita tak bankrap. Dengan sebab itulah contohnya orang yang hendak membeli mesin itu mestilah orang yang pakar, yang tahu tentang pengeluaran mesin itu. Segala-gala ia mesti tahu, kalau tidak jahanam juga kilang itu. Jadi banyak masalah technical know-how perlu dipelajari dan technical know-how ini kita boleh dapat dari pakar luar negeri. Tak usah harapkan di sini sahaja. Kalau kita hendak belajar kita boleh panggil orang daripada luar negeri mengajar kita bagaimana hendak membuat trade yang begini. Jadi technical know-how adalah penting di dalam perkara ini kalau kita hendak maju dan juga training itu juga tak usah setakat training di negeri kita ini. Kalau misalnya di Kelantan memang ada yang pandai untuk membuat kraftangan, tetapi boleh juga kita menghantar orang kita ke Iran, atau ke India dan sebagainya untuk training. Sebab orang luar itu membuat ukiran perak lebih halus dan lebih cantik. Kita mesti tiru dan kita mesti perbaiki kesenian kita iaitu kalau kita campurkan kemahiran itu akan lebih baiklah kesenian kita.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapat kemukakan pada hari ini. Saya pun teraba-raba juga macam rakan-rakan saya, tetapi semoga apa yang saya kemukakan ini dijadikan panduan kepada Perbadanan ini kelak.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh.

5.28 ptg.

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Lembaga Kraftangan Malaysia ini. Oleh sebab banyak rakan-rakan saya telah menyebutkan Kelantan sebagai sebuah negeri yang banyak dalam penglibatan kraftangan semenjak sebelum kita merdeka sehinggalah kepada hari ini, maka sukalah saya juga mengambil peluang di atas dua perkara pendek sahaja. Sebab perkara yang lain saya percaya dan saya penuh yakin bahawa Menteri-menteri yang berkenaan dan Kementeriannya telah membuat kajian secara mendalam sebelum daripada Rang Undang-undang ini dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara ini.

Selepas daripada rakyat telah mendengar menerusi Radio, TV, suratkhbar bahawa Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Kraftangan Malaysia khususnya rakyat di negeri Kelantan merasakan sekali lagi perasaan terima kasih mereka kepada Kerajaan yang telah cuba hendak membaiki nasib rakyat terutama sekali penduduk-penduduk di luar bandar. Jadi, oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan dalam masalah ini dua perkara yang saya katakan tadi, pertama ialah soal pemasaran. Banyak kraftangan-kraftangan yang ada di Malaysia khususnya di negeri Kelantan dan Trengganu yang tidak dapat berjalan dengan baik pada masa-masa yang sudah termasuklah songketnya, batiknya, gasing, layang-layang dan sebagainya ialah kerana tidak lain ialah kerana pemasaran. Jadi, Perbadanan ini ditubuhkan bukan sahaja hendak melatih ataupun yang mempunyai daripada (a) sampai ke (j) yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini, tetapi yang penting pada pandangan saya ialah (j), ini yang mustahak. Saya bimbang dan khuatir kalau Perbadanan ini besok setelah ditubuhkan dan ada dengan Ketua Pengarahnya, ada dengan ahli-ahli Perbadanannya ada dengan pegawai-pegawainya menghebohkan kepada seluruh rakyat supaya masing-masing mengadakan atau membuat kraftangan masing-masing dengan layang-layang, dengan gasingnya dan dengan apa jua besok barang-barang ini bercambah. Bercambah yang saya agak pada ketika itu Perbadanan ini sendiri tidak dapat mengatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri contoh, walaupun tidak menyentuh Perbadanan ini, di satu masa yang lampau kira-kira setahun setengah yang sudah, Kementerian Pertanian menerusi LPPnya menyeru rakyat luar bandar supaya menanam kacang cabut, kacang goreng, ini sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, digalakkan pula dengan memberi benih-benih dengan percuma. Maka bersyukurlah rakyat luar bandar menyahut cabaran Kerajaan ini menanam kacang sebanyak-banyaknya, barangkali pegawai-pegawai yang berkenaan pun faham bahawa kacang tanah ini satu jenis tanaman yang sensitif, kalau cabut hari ini dan tidak dijual hari ini atau esok semuanya rosak. Jadi, bila ada arahan ataupun seruan Kerajaan sedemikian rupa rakyat menanam sebanyak-banyaknya dengan benih-benih yang free atau percuma dari Kerajaan yang bertanggungjawab dari segi marketing atau

pemasarannya adalah FAMA atau LPP sendiri tidak tahu ke mana hendak menjual barang ini padahal kita tahu kacang tanah ini satu jenis makanan yang disukai di seluruh dunia, di mana kita pergi ada kacang barangkali. Akhirnya, kacang tadi diminta supaya dijual ke Ipoh Menglembu yang buat kacang dalam pelastik. Harga pasaran pada masa itu ikutlah apa yang kata Ipoh—Menglembu hendak bayar berapa ringgit satu pikul, sudah tidak ada terkawal lagi, kerana sudah lebih pengeluaran daripada keperluan, barangkali agak saya oleh anggaran yang dibuat oleh pihak yang berkenaan.

Penyudahnya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang keciwa dan sampai hari ini khususnya rakyat di Ulu Kelantan kalau buat tanaman kacang, dia “cebeh” kata orang Kelantan, dia tidak mahu lagi, dia kata tanam pun sia-sia tidak ada market, tidak ada pasaran, tidak ada orang yang bertanggungjawab, rebus makan anak beranak, boleh. Ini juga saya bimbang dari segi kraftangan ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana macam kain songket umpamanya di Kelantan, kain batik ini barangkali tidak berapa susah kerana kalau tidak dapat dijual luar negeri, rakyat dalam negeri pun beli buat tempah kain songket dan barang inipun mahal membuatnya pun tidaklah dapat mengeluarkan secara banyak-banyak pada satu masa. Tetapi kalau layang-layang, gasing, perkara-perkara kecil ini seperti parang, candikkah, kapak kecilkah semua barang ini boleh dibuat oleh rakyat dalam sesaat sahaja. Pendek kata kalau Perbadanan ini berkehendakkan dalam masa sebulan barangkali rakyat Kelantan yang begini mahir dengan perusahaan ini dapat mengeluarkan dalam masa yang singkat tetapi itulah dikhuatirkan dari segi pemasaran. Sama jugalah, Tuan Yang di-Pertua, dari segi kata hendak membuat barang-barang anyaman: umpamanya, bakul sampah atau raga kecil.

Sekarang ini kalau kita lihat, kita berjalan ke pejabat-pejabat Kerajaan baik sekolah-sekolah atau di mana badan swasta bakul-bakul yang ada pada ketika dahulu, 10-20 tahun dahulu sekarang ini sudah diganti dengan pelastik. Adakah Perbadanan ini bercadang sekiranya kita hendak menghidupkan balik perusahaan tangan daripada rotan hendak buat bakul sampah, kita hendak memaksa atau boleh memaksa pejabat-pejabat mesti beli ini, berhentilah beli

pelastik, kalau sudah rosak beli barang-barang ini sebagai gantinya. Kalau inilah cadangan barangkali baik supaya soal pemasaran ini dapat dijalankan dengan baik. Jadi, saya berharap dalam soal pemasaran ini kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan walaupun Yang Berhormat Menteri telah mengkaji perkara ini sedalam-dalamnya tetapi oleh sebab diletakkan di dalam Akta ini iaitu tujuan yang terakhir sekali iaitu (j) di sini bermakna saya takut ini diabaikan, maka rosaklah keseluruhan pentadbiran Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang akan diluluskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya suka menyentuh walaupun perkara ini telah disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi iaitu Fasal 4. Keanggotaan Perbadanan. Dalam bahagian (d) Yang Berhormat Menteri boleh melantik selebih-lebihnya 9 orang ahli, tidak termasuk Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah, sekurang-kurangnya barangkali dia pilih 5 orang. Apa yang saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sewaktu hendak melantik ahli-ahli Perbadanan kalau hendak melantik maksimumnya 9 orang hendaklah Yang Berhormat Menteri membuat juga tinjauan-tinjauan, maksud saya di sini biarlah saya katakan terus-terang baik juga kalau dapat ada wakil-wakil daripada negeri-negeri yang ada hubungan dengan perusahaan kita ini. Sekurang-kurangnya ahli Lembaga yang mewakili negeri dapat menyuarakan dalam mesyuarat Lembaganya tentang buah fikiran daripada tempat yang mengeluarkan perusahaan atau kraftangan yang dicadangkan itu.

Saya bimbang, kalau misalnya barangkali sungguhpun Yang Berhormat Menteri dari Trengganu, dia tidak akan tinggalkan Kelantan, kerana Kelantan jirannya yang dekat tetapi saya takut barangkali besok negeri-negeri lain juga akan tertinggal maka menjadi sukarlah kepada Perbadanan ini.

Saya suka hendak menegaskan, biarlah Ahli-ahli Lembaga Perbadanan Kraftangan Malaysia ini terdiri daripada wakil-wakil negeri yang berkenaan supaya ia lebih mengetahui dan lebih faham atas segi pengeluaran. Jadi kalau hendak diadakan latihan dan sebagainya adalah menyenangkan kepada Perbadanan ini sendiri.

Itulah sahaja, dua perkara yang saya menekankan di dalam ini dan saya juga menyokong Penuh Rang Undang-undang ini

supaya dapat Perbadanan ini diwujudkan dengan seberapa segera bagi faedah rakyat kita sekalian.

5.42 ptg.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa perusahaan kraftangan boleh menjadi satu industri yang besar dan memberi pekerjaan kepada bukan sahaja berpuluh ribu namun beratus ribu pekerja-pekerja sekiranya dijalankan secara teratur.

Saya rasa tujuan Kerajaan mengadakan Perbadanan baharu ini ialah supaya mengawasi bahawa perusahaan kraftangan kita ini dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya. Satu tujuan yang murni yang mana saya harap kita dapat mencapainya. Tetapi banyak masalah dalam perkara kraftangan.

Tuan Yang di-Pertua, ada sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini telah menyentuh apa yang dimaksudkan dengan perusahaan kraftangan atau perusahaan kemahiran tangan. Sahabat saya, Datuk Haji Ahmad Arshad, mengatakan membuat dodol pun patut masuk dalam tafsiran kraftangan, atau membuat batang cangkul, atau membuat kereta lembu, atau membuat kerusi yang Tuan Yang di-Pertua duduk itu. Saya rasa patut kita sedari apakah yang dimaksudkan di sini, apakah tujuan Kerajaan sebenarnya bagi mewujudkan Perbadanan semacam ini? Adakah dimaksudkan kerana hendak membuat cokmar yang kita ada ini daripada perak itu sebagai perusahaan kraftangan ataupun apa? Kalau kita hendak membuat cokmar semacam ini, satu cokmar perak yang rasa saya harganya tidak kurang daripada \$5,000-\$10,000 sebiji, tiada orang yang hendak membelinya nanti. Begitu juga kerusi-kerusi yang diduduki oleh Tuan Speaker atau Tuan Yang di-Pertua. Hanya yang boleh dibuat satu kerusi sahaja. Itu sepatutnya dan kerusi itu mempunyai nilai seni dengan tidak boleh diragu-ragukan harganya. Tetapi rasa saya tujuan Perbadanan itu bukannya begitu. Ia cuba hendak mengumpulkan ramai mereka yang boleh menggunakan masa lapangnya atau masa penuhnya membuat kraftangan yang selama ini telah menjadi sebahagian daripada darah dagingnya dan cuba mencari jalan bagaimana hendak memperbaikinya.

Contoh telah diberi di dalam Dewan ini iaitu contoh batik dan batik juga ada tersebut di dalam Rang Undang-undang ini. Jadi kita

tidak boleh mengatakan yang batik itu khusus untuk Malaysia sahaja. Tidak boleh. Kalau kita hendak bermegah-megah yang kita fikir yang batik ini hanya keluaran daripada Malaysia sahaja, kita menipu diri kita sendiri. Sesiapa sahaja yang telah pergi ke luar daripada Malaysia ini tentu tahu, negeri Siam mengeluarkan batik, Filipina mengeluarkan batik, Singapura pun mengeluarkan batik. Tak usah kira Indonesia. Di Brazil pun mengeluarkan batik, Sri Lanka mengeluarkan batik, di Samoa mengeluarkan batik. Jadi saya berasa hairan sedikit kenapa di dalam Rang Undang-undang ini kita memberi satu keutamaan kepada batik. Barangkali Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan atas tafsiran keluaran kraftangan.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, membaca tafsiran dan biar kita teliti baik-baik apa yang kita maksudkan dengan kraftangan. Bahawa Perbadanan ini diwujudkan hendak menjayakan perusahaan kraftangan dan kraftangan kalau kita lihat di bawah Fasal 2 tafsirannya, "Perusahaan kraftangan ertinya, apa-apa perusahaan yang menjalankan usaha mengeluarkan keluaran-keluaran kraftangan". Dan apa pula tafsiran keluaran kraftangan. "Keluaran kraftangan, ertinya, apa-apa keluaran artistic yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan adalah hasil dari sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan dan termasuklah apa-apa keluaran batik". Jadi nampaknya apa-apa keluaran batik tidak kira sama ada keluaran kemahiran tangan atau sebaliknya. Keluaran batik ertinya apa-apa barang walau bagaimanapun dihasilkan yang mempunyai reka-bentuk batik pada atau di mana-mana bahagian. Nampaknya batik ini tidak kira kalau dibuat secara mesin sekalipun dicap, dianggap sebagai kraftangan. Di sinilah kalau kita salah jalannya, kita akan menempuh bahaya.

Seperti yang kita sedia maklum, di bawah Rang Undang-undang ini Lembaga ataupun Perbadanan berharap ia akan boleh mengeluarkan logonya dan sesiapa yang menggunakan logonya yang membayar lesen diharapkan mendapat keistimewaan sekurang-kurangnya dari segi kualiti dan sebagainya. Di sini-lah di mana orang akan mengambil kesempatan atau mungkin orang tidak peduli langsung dari segi hendak mendapat logo. Kalau dia seorang pengeluar batik, kalau ditakrifkan yang dia tidak perlu mendapat apa-apa perlindungan maka inilah yang akan

menjadi persaingan dengan pengeluar-pengeluar batik yang kita hendak lindungi di bawah Akta ini. Inilah yang rasa saya patut pihak Kementerian dan juga Lembaga Pengarah nanti mengkaji implikasi tafsiran yang dibuat dalam Akta ini. Kalau salah jalannya batik yang dicap di Jepun atau di Kanada atau di mana-mana sekalipun sudah tentu berasing dengan batik yang dikeluarkan oleh pembatik asli di Kelantan atau Trengganu yang mana sudah tentu kita tidak boleh melawan dari segi pemasaran dan sebagainya.

Kalau kita perhati telatah pelancang dia tidak kira sama ada ini batik tulis atau batik cap atau batik dibuat dengan tangan, dia tidak tahu membezakan. Pada dia semuanya batik, dan kita pun tidak memberikan takrif batik di sini. Kita cuma mengatakan dia batik asalkan ada reka-bentuk batik, kita masukkan di bawah tafsiran keluaran kraftangan. Inilah bahayanya. Kalau salah-salahnya, pengeluaran batik kita, pengusaha-pengusaha batik kita akan mendapat saingan yang hebat daripada pengeluar-pengeluar batik bukan sahaja yang akan berdiri secara besar-besarnya di negara kita tetapi juga pengeluar-pengeluar batik di luar negara kita.

Saya telah melihat banyak pengeluaran batik di luar negara dan kadang-kadang tidak boleh saya hendak bezakan pengeluaran batik yang dibuat di Malaysia dengan pengeluaran batik yang dibuat di Jepun ataupun di Singapura ataupun di Fiji dan sebagainya. Susah hendak bezakan. Ini menjadi masalah besar kepada kita.

Dalam masalah persaingan Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit satu fasal dalam Rang Undang-undang ini iaitu Fasal 8 (j) seperti yang telah disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin tadi. Saya hendak menyentuh atas masalah lain sedikit tetapi izinkan saya sebelum itu membaca fasal yang berkenaan dan ia berbunyi demikian:

"8. Perbadanan adalah mempunyai kuasa, yang hendaklah dijalankan tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri, melakukan semua perkara yang bermanfaat atau menasabah perlu untuk

atau bersampingan dengan perjalanan tugas-tugasnya, dan khususnya, tetapi tanpa menyetujui keluasan makna seksyen ini

(a) x x x x

(b) x x x x

(c) x x x x

(d) x x x x

(e) x x x x

(f) x x x x

(g) x x x x

(h) x x x x

(i) x x x x

(j) menjalankan perniagaan mengeluarkan, memasarkan, dan mengeksport keluaran-keluaran kraftangan secara perdagangan.”

Di sini sudah jelas bahawa kuasa telah diberi kepada Perbadanan yang boleh menjalankan perniagaan. Saya ambil contoh tadi seperti batik, kita boleh ambil contoh yang lain iaitu perak. Kalau kuasa diberi kepada Perbadanan menjalankan perniagaan mengeluarkan barang perak umpamanya, kalau salah jalannya apa yang berlaku ialah persaingan di antara Perbadanan dengan pengeluar-pengeluar kecil yang mana tujuannya hendak menolong. Ini telah berlaku, contohnya memang banyak. Kalau contoh MARA yang bersaing dengan ahli-ahli perniagaan kecil sudah beberapa kali ditimbulkan. Inilah perkara yang patut kita awasi. Ini zaman musim orang mengatakan “Jangan pagar makan padi”. Saya rasa saya patut juga sentuh perkara itu. Biarlah kita memberi pandangan yang terang kepada Lembaga Pengarah Perbadanan ini supaya janganlah mereka itu bersaing dalam perniagaan dengan pengusaha-pengusaha yang kita hendak tolong. Tetapi kalau mereka menjalankan tugas-tugas lain seperti membimbing mereka, menetapkan standard ataupun mutu ataupun kualiti; itu elok sangat dan yang lebih-lebih lagi memasarkan hasil pengeluaran kraftangan yang dibuat oleh mereka itu.

Saya rasa kelemahan sekian lama ini ialah dalam bidang pemasaran. Itu yang sangat-sangat lemah dan juga dalam bidang kualiti. Seperti apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi saya bersetuju. Kalau kita melihat permintaan pedagang-pedagang daripada luar negeri

atas pengeluaran barang kraftangan kita, mereka berkehendakkan banyak barang-barang. Kalau dari segi batik tidak usah kiralah, mereka hendak bukannya beratus-ratus tetapi beratus ribu sesuatu order itu. Hanya kita tidak boleh memenuhi order itu. Ini kelemahannya.

Saya tidak mahu mengulangi apa yang telah dikatakan tadi. Ini perlu dibuat kajian teliti oleh pihak Perbadanan supaya boleh membantu pengeluar-pengeluar itu nanti. Memang ada contoh-contohnya kalau kita tengok di India umpamanya satu perusahaan yang besar yang telah boleh kita anggapkan perusahaan kraftangan ini yang mana Cottage Industry di India itu sudah terkenal di serata dunia. Mereka boleh menjamin mutu pengeluaran barang tadi. Kualiti yang dikeluarkan oleh tiap-tiap desa itu boleh dijamin. Ini yang perlu tetapi kalau kita tidak berbuat demikian, kita mengeluarkan ikut suka hati sahaja, ini menjadi masalah.

Saya telah tengok banyak pengusaha-pengusaha yang telah mengeksport barang-barang kraftangan ini yang mana barang-barang ini telah ditolak kerana tidak mengikut sample yang telah dipersetujui. Kita tahu barang-barang kraftangan ini tidaklah seperti barang-barang yang dibuat oleh mesin yang boleh dikatakan semuanya serupa. Barang-barang kraftangan ini memang ada bezanya oleh sebab ini dibuat dengan tangan, tetapi kalau warnanya sudah berlainan; satu sebelah kanan dipakai lain, sebelah kiri dipakai lain; sudah tidak kena pada tempatnya. Inilah sebabnya perlu kita tekankan kepada pengusaha-pengusaha kita bahawa kita tidak boleh tolak ansur dari segi mutu, dari segi kualiti. Kalau kita buat sambil lewa sahaja, rasa saya industri ini tidak akan boleh berjaya dan sebaliknya akan memburukkan nama baik negara kita.

Kita juga perlu mengadakan satu fikiran baru ataupun pandangan yang jauh daripada apa yang diadakan sekarang ini. Kalau pada masa dahulu kita sedar yang keperluan orang ialah hendakkan lekar-lekar tempat letak periuk dan belanga, tetapi sekarang ini orang tidak pakai dapur kayu lagi. Jadi lekar-lekar itu tidak menjadi satu bahan yang dikehendaki ramai sekarang ini. Research patutlah dibuat oleh Perbadanan supaya mengetahui apakah kehendak orang, baik di luar negeri ataupun di dalam negeri dan menyesuaikan pengeluaran kraftangan itu mengikut kehendak pengguna. Bukan dengan jalan apa

yang tradisional sahaja. Kalau begitu rasa saya tidak ada pasaran; itu saya boleh jamin kerana mesti mengetahui kehendak pengguna dan kita sesuaikan pengeluaran itu mengikut kehendak pengguna. Dan ini perlulah mendapat pandangan dan fikiran jauh oleh pakar-pakar dan orang-orang yang menjayakan Perbadanan ini. Kalau tidak, kita cuma mengeluarkan barang-barang yang biasa sahaja dan rasa saya tidak lama Perbadanan ini akan ditutup seperti badan-badan yang lain.

Saya lihat di dalam peruntukan Akta ini ada satu fasal iaitu Fasal 25 yang mana tugas telah diberi kepada Ketua Pengarah untuk menyediakan dari semasa ke semasa satu rancangan untuk perkembangan masa hadapan perusahaan kraftangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah. Di sinilah rasa saya kita sebagai Ahli Dewan ini dapat memerhatikan apakah pandangan jauh yang boleh diberikan oleh Lembaga Pengarah khususnya Ketua Pengarah dan kalau pandangan seperti yang dimestikan di bawah Fasal 25 ini tidak begitu memuaskan, rasa saya ini menjadi tugas kita menegur Ketua Pengarah dan janganlah Ketua Pengarah takut membuat satu perubahan baru dalam masalah ini supaya kita memandang jauh lebih ke hadapan daripada yang ada sekarang ini?

Kalau kita hendak harapkan kepada kraftangan seperti yang ada sekarang ini sahaja rasa saya agak sukar kita hendak berjaya. Saya tidak menafikan yang ramai orang memikirkan buatan kraftangan tradisional seperti kain songket, buatan daripada tembaga dan sebagainya tetapi itu ada hadnya. Tidak kesemuanya orang suka begitu. Kalau dari segi hendak membuat songket itu mungkin cuma orang-orang yang ada kaitan sahaja yang akan memakainya, atau sebaliknya kita dapat mempopularkan penggunaan songket ini di luar negeri elok sangat tetapi kalau barang tembaga ada hadnya. Kalau kita hendak memikirkan bukan sahaja penduduk di Malaysia ini hendak menggunakan barang tembaga tetapi juga orang di luar negeri terpaksa kita mencari idea-idea baru, bentuk-bentuk baru yang boleh diterima oleh pengguna. Ini penting.

Saya rasa itu sahajalah pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan banyak perkara lain telah disentuh oleh sahabat-sahabat saya yang terdahulu daripada saya tadi dan saya tidaklah bercadang

hendak mengulanginya. Dengan itu saya menyokong atas kelulusan Rang Undang-undang ini.

6.00 ptg.

**Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim:**

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidaklah bercakap panjang di atas Rang Undang-undang ini.

Saya juga berdiri di sini menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 ini dan mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang telah menubuhkan Jawatankuasanya dalam perkara ini. Tetapi kalaulah kita pandang sebaik-baiknya kita mesti tubuhkan Ahli-ahli Jawatankuasa yang boleh mendatangkan faedah untuk pemasaran dalam perkara kraftangan ini. Saya berkata begitu dan bangun di sini kerana ada ahli daripada Jepun yang pakar dalam perniagaan pembuatan Jepun dan Taiwan telah datang ke Batu Pahat berjumpa dengan saya minta carikan di mana ada kumpulan-kumpulan orang yang membuat kerusi meja yang berukir-ukir sebab dia ada membuka perniagaan kerusi meja dan alat-alat tempat rokok dan sebagainya untuk dihantar ke Amerika daripada Taiwan dan juga daripada Vietnam. Tetapi malangnya sekarang ia telah dirampas semua sekali, jadi dia hendak buka di Malaysia, dia tidak hendak buka di Jepun, sebab dia tahu di Malaysia ini ahli-ahli yang membuat perabut-perabut ini halus buatannya, cuma tidak ada pemasaran, dia sudah 15 tahun menjalankan perniagaannya. Di Amerika katanya kayu-kayu itu disedut airnya, jadi dia berjumpa dengan saya hendak menemui beberapa orang yang sudah saya temukan. Dia hendak menyuruh orang ini buat sebab kayu di negeri kita ini adalah bagus, daripada kayu getah pun boleh, kerja tangannya halus dan dia hendak membuka satu fektori untuk menyedut dan mengeringkan air di kayu, orang-orang ini disuruh buat dan saya belum lah tetapkan mengenai perkara itu.

Apabila saya dengar Rang Undang-undang ini dikemukakan saya rasa eloklah Ahli Jumaah ini besok menjalankan tugas ini. Pertama cari pemasaran dahulu supaya semua orang kita ini dapat membuat perabut-perabut ini, dengan cara moden itu tidak payah orang luar negeri datang ke sini hendak membuka perniagaan di sini dan yang membuat orang kita iaitu pekerja-pekerja kita dan dia pula yang mendapat keuntungan yang lebih sebab dia telah mengkaji dengan

saya sedalam-dalamnya, kalau dia buat di sini dia boleh untung satu tempat rokok sahaja M\$20 kalau betul-betul yang cantik dan orang-orang di sana menunggu untuk dihantar keluar negeri. Dia mengatakan buatan Malaysia adalah lebih baik dan kayu senang didapati.

Kalau kita baca di sini maka elok sangat Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini ditubuhkan dan saya menyokong sepenuhnya supaya bumiputra dapat menjalankan tugasnya. Kerana kalau kita lihat sekarang macam di Batu Pahat sahajalah ada empat buah kedai ukiran yang membuat gerobok dan segala-galanya, satu daripadanya Hamid Tukang, tetapi dia hanya laku di Batu Pahat sahaja, dia tidak dapat memasarkan hasil buatannya ke tempat-tempat lain. Jadi dia akan berbesar hati kalau dapat Jawatankuasa ini menolong mencari pemasaran di luar negeri.

Seperti kata Yang Berhormat Senator tadi beliau ada menyentuh mengenai lekar tidak ada guna lagi. Tetapi saya telah menunjukkan benda ini kepada orang Jepun sama ada berguna atau tidak dan saya telah membawa melawat ke tempat perusahaan membuat paip tempat hisap rokok di Air Baloi. Dia tengok paip yang dibuat oleh orang Melayu itu sangat cantik dan lebih cantik daripada paip yang dibuat di luar negeri tinggal lagi cara itu kurang. Dia mengatakan benda itu lebih berguna dan lebih baik kalau dapat dipasarkan keluar negeri. Seperti kata Yang Berhormat Senator tadi mengenai lekar. Dia mengatakan juga lekar ini kalau betul-betul dibuat gayanya orang boleh gunakan juga, misalnya periuk selepas masak diletak di atasnya dan ada lebih bagus kalau diletakkan di atas meja, alaskan periuk. Itu yang lebih bagus lagi kerana ia tahan, tidak melekat. Selama beberapa hari dia tinggal di Batu Pahat di situ saya memperolehi pendapat dan pemikiran ini, jadi pada hari ini saya kemukakan perkara ini di sini dan saya harap pihak-pihak yang berkenaan korek, usahakan kerana pada masa sekarang di New York sana diketahui pemasarannya adalah paling laris, ramai orang membeli perabut-perabut dan sebagainya. Jadi kalau dia hendak membuka di sana lebih baik Ahli-ahli Jawatankuasa ini menjalankan tugasnya menolong orang Melayu dan saya bolehlah menemui dia balik untuk mengatakan tidak payahlah membuka perusahaan ini di tempat kita, orang kita boleh mengusahakan tetapi kalau ada jaminan daripada Perbadanan ini mencari

pemasaran itu. Yang mustahaknya perkara ini ialah pemasaran dari segala segi, kalaulah Perbadanan ini boleh mendapatkan pemasaran yang seluas-luasnya maka insya Allah segala benda yang ada dalam negeri kita ini boleh dijual dan menguntungkan rakyat serta hasilnya menguntungkan negara kita.

Saya tidak hendak bercakap panjang di sini kerana sudah banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan bermacam-macam pendapat, cuma saya memberi sedikit pendapat sahaja di sini. Oleh itu saya sokong penuh di atas Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini.

6.08 ptg.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Bil ini ialah pertamanya kerana dahulu pun sudah ada Perbadanan Kraftangan ini iaitu ditadbirkan oleh MARA. Jadi sekarang dengan adanya Rang Undang-undang ini dimaksudkan supaya ia berasingan tidak di bawah MARA dan seterusnya kepada Menteri yang berkenaan dan ini berkehendakkan satu keluasan undang-undang bergerak memajukan kraftangan tersebut.

Bersabit dengan itu saya rasa kelemahan-kelemahan yang dahulu itu boleh dibaiki dengan wujudnya undang-undang yang ada pada hari ini. Kalau dahulu di bawah MARA, MARA ada 9 orang director, kemudian directornya ada Ketua Pengarah, jadi benda itu berjalan lambat. Tetapi dengan wujudnya Rang Undang-undang ini pada hari ini, dia akan terus pergi kepada Menteri yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, negeri saya pun tidak banyak mengeluarkan hasil kraftangan—tetapi ada. Saya boleh ceritakan satu perusahaan kraftangan bumiputra yang mati pada hari ini iaitu perusahaan tanah liat. Apabila negara kita maju menggunakan kuasa letrik yang banyak dan baik, belanga yang dibuat daripada tanah liat sudah tidak laku pada masa ini, tidak ada orang hendak membelinya semua berkehendakkan ayan yang putih berseri.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bekas air waktu berjampi mengikut tradisional kampung-kampung yang menggunakan

“Ternang” itupun sudah tak laku sekarang, sebab semua orang berubat ke klinik, pergi ke mana-mana hospital dan kampung pun sudah bertambah moden, jarang-jarang orang berjampi, jadi mati perusahaan tanah liat ini. Maka tanah liat ini ada di anak Sungai Tembeling, Daerah Jerantut mudak sampai ke hulu yang masyhur sebagai tempat pelancungan di negara kita. Agak saya oleh sebab sudah hampir hapus, Yang Berhormat Menteri sudah tidak masuk kira yang 10,000 itu, jadi tanah yang baik yang membuat perusahaan tanah liat ini oleh sebab sesuai satu daripada tugas-tugas Perbadanan ini, iaitu:

“7. (2) Dalam menjalankan tugas-tugasnya di bawah seksyen-kecil (1), Perbadanan hendaklah menitik-beratkan dengan sewajarnya soal perlunya melindungi kepentingan istimewa tukang-tukang tradisional.”

Tuan Yang di-Pertua, kalau perusahaan tanah liat ini hapus oleh sebab lumrah alam, kehendak alam, apa boleh buat tetapi walau macam manapun barang-barang ini boleh dibuat perhiasan rumah, maka saya berharap perusahaan ini patut dikaji oleh Kerajaan supaya ia dihidupkan kembali. Begitu juga di negeri Pahang masyhur dengan kain songket atau kain “tenun pekan” namanya atau tenun Pahang, sebab kalau sekiranya orang-orang luar datang ke negeri Pahang, dia meminum air Pahang tetapi dia tak pakai kain tenun Pahang atau tenun pekan, ertinya belum jadi dan masih dicurigai. Dengan sebab itu segala pegawai Kerajaan, mana-mana pelawat yang bertukar ke negeri itu, dia mesti beli dan mesti pakai pada hari-hari yang istimewa, sebab ada pepatah tua di negeri itu. Barang siapa meminum air Pahang dia akan kembali balik ke negeri itu. Sama ada percaya atau tidak percaya, ini soal lain tetapi pepatah masih ada. Macam mana juga di Melaka dahulu masyhur dengan Negeri Hang Tuah—“pisang jaroh”, walaupun benda itu kita tak percaya tetapi kekal dalam sejarah bahawa kemasyhuran Melaka pada zaman itu 3 benda, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau sekiranya masalah ini timbul kepada kraftangan-kraftangan pada hari ini, saya sangat sukacita kerana di dalam Bil ini bukan sahaja boleh menghidupkan atau bergantung hidup 30,000 manusia daripada 10,000 tukang-tukang yang kita hendakkan ialah supaya tukang-tukang tradisional ini hidup, ada dalam negara kita.

Soalnya ialah kita tidak memperkenalkan barang-barang tradisional ini keluar negeri, itu satu kesalahan kita. Umpamanya sekarang kalau kita pergi ke Filipina, kita hendak membeli kain nenasnya itu, baju kebangsaannya yang dibuat daripada sutera nenas dan kalau kita balik bahawasanya kalau kawan tengok: Wah, awak balik daripada Manila. Jikalau kita pergi ke Indonesia, terutamanya orang laki-laki, dia mesti bawa sekurang-kurangnya satu dua helai kain batik, usaha tangan yang agak berharga sedikit sekurang-kurangnya untuk beli buah tangan orang rumah. Begitu juga kalau kita pergi ke Taiwan umpamanya sekurang-kurangnya kita beli tongkatnya sebagai tanda. Jadi sekarang ini apa bendanya yang kraftangan di Malaysia ini yang patut dijadikan satu simbol kraftangan kita. Adakah hendak bawa layang-layang (wau) atau kereta lembu atau lain? Kita harus cari satu identiti kita sendiri dan Perbadanan ini kelak berkewajipan men-carinya.

Saya tidak bimbang mengenai pasaran. Saya menyokong Bil ini kerana Kerajaan sudah dapat mencari kelemahan wujudnya Lembaga Kraftangan yang dahulu, boleh jadi kurang kuasa, kurang kewangan atau kurang pandangan. Dengan wujudnya Bil baru ini menggantikan kelemahan itu dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam terus bertanggungjawab, sekurang-kurangnya dengan 10,000 jiwa tukang-tukang dalam negara kita ini yang bergantung hidup kepada kraftangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini di negara kita tidak usahakan yang lain, kalau kita pergi ke Mesir atau lain-lain negeri, kita boleh dapat “budak” pencuci kasut atau di Australia sendiri pun ada pencuci kasut, kita bayar duit, dia cuci tetapi di negara kita tak ada pencuci kasut, ertinya negeri kita sekarang kaya, tidak ada pengemis pencuci kasut di negara kita sebagaimana negara-negara di Eropah atau setengah-setengah negara lain. Kalau begitu, saya mencadangkan kepada Lembaga Perbadanan ini juga mesti dimasukkan perusahaan membuat kasut itu, membuat selipar, membuat kapal, dicari dalam soal mengadakan worksyopnya.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mencungkil kemahiran kraftangan orang bukan Melayu, sebab sekarang ini kebanyakannya ialah hasil kraftangan orang Melayu sahaja. Apakah hasil kraftangan orang bukan Melayu, yang ada pada orang

China umpamanya? Sebab sekarang ini pada zahirnya kita tak nampak apakah kemahiran kraftangan orang India, orang Benggali atau orang Arab dan lain-lain bangsa yang mengakui menjadi rakyat negara ini. Tujuannya supaya kita cantumkan menjadi kraftangan di negara kita. Kita tak tahu barangkali mereka ada kemahiran tetapi zahirnya sekarang ini kebanyakan kraftangan itu dilakukan oleh orang Melayu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pandangan-pandangan yang ditimbulkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin tadi adalah pandangan yang jujur dan ikhlas. Tetapi biasanya kita jangan takut dalam menjalani satu-satu perkara, jangan takut bahawa kita tak ada bahan. Sebagaimana sahabat saya Raja Datuk Nong Chik mengatakan besok kalau orang luar order seribu tikar mengkuang di manakah kita ada bahan mengkuang? Kita mestilah pandang bahawa 30,000 orang yang terlibat ini berharapan pemimpin Kerajaan dalam soal kraftangan. Kerana ini sahajalah mata pelajaran yang mereka tahu untuk bekal hidup, untuk mata pencarian mereka. Jangan kita takutkan perkara yang tidak mungkin berlaku. Mana tahu mungkin Tuhan takdirkan akan tumbuh ladang pandan? Akan ada satu gerakan menanam mengkuang (pandan). Barangkali Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof sebagai Menteri Kemajuan Tanah, mengarahkan FELDA menanam mengkuang secara besar-besaran, akan menanam pandan di Johor, di Bemban dan sebagainya. Ini perkara boleh kita rundingkan kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri sungguh-sungguh hendak menjalankan apa yang dikehendaki di bawah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa biarlah saya pendekkan sokongan saya kerana saya hendak bagi masa kepada orang lain. Saya sambung sebelah malam, maka kurang sihat. Sebab satu kerja itu mesti habis segera. Ini lebih sunat, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, akhirnya, saya menyokong Bil ini dan saya mendoakan mudah-mudahan Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia ini berjaya mengikut hasrat yang tercatat di dalam Undang-undang ini, sama ada tugas-tugasnya dan kuatkuasanya yang ada. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tuan Haji Mahmoud Salim.

6.24 ptg.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana pada akhirnya saya diberi peluang juga bercakap di dalam perbahasan Undang-undang ini yang saya fikir ini adalah satu Undang-undang nasional yang kita patut mendapat sokongan daripada segenap lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat sahabat-sahabat saya yang terdahulu bercakap daripada saya telah memperkatakan dari segi perniagaan, perusahaan, pentadbiran dan sebagainya. Tetapi sebagai seorang, barangkali golongan agama saya sukalah menyokong undang-undang ini dari segi pandangan agama Islam. Di dalam agama Islam, Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang sangat disuruh, yang digalakkan oleh agama kita iaitu oleh Nabi kita Muhammad (s.a.w.) ialah bahawa seseorang itu mesti ada mempunyai kemahiran tangan sebagaimana di dalam sabdanya: Hir-fatun fil-yadi amanun minal-faqr. Hadis ini mengatakan mana-mana orang yang ada mempunyai kemahiran tangan ataupun kraftangan, maka itu adalah jaminan hidupnya, daripada kepapaan. Jadi kalau Nabi Besar kita telah menegaskan demikian tambahan pula agama Islam menjadi agama rasmi di Malaysia, maka berdasarkan hadis seumpama ini, saya nampak langkah Kerajaan membuat undang-undang kraftangan ini adalah sangat wajar dan sangat sesuai sekali. Walaupun undang-undang ini telah dibuat pada saat-saat yang akhir tetapi masanya tidaklah begitu luput. Di dalam ajaran agama kita, tiap-tiap orang Islam dikehendaki ada mempunyai kemahiran tangan sama ada apa jenis sekalipun kerana ini adalah jaminan hidupnya. Tidaklah sebagaimana sekarang ini, kebanyakan orang hanya bercita-cita hendak makan gaji tetapi dari segi agama, tidak begitu. Orang ini mesti ada kemahiran di dalam bahagian pertukangan, orang itu ada kemahiran di dalam bahagian membuat baju, orang ini pula ada kemahiran membuat anyaman dan sebagainya. Ini yang dikehendaki di dalam agama Islam. Maka menilik kepada undang-undang yang ada di hadapan kita ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah baca takrifnya iaitu di dalam Fasal 2, dikatakan:

“ ‘Keluaran kraftangan’ ialah apa-apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan ataupun tradisional

dan adalah hasil dari sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan,”

Jadi di dalam takrif yang dibuat begini rupa, kraftangan yang dikehendaki dalam undang-undang ini mestilah ada bersangkutan paut dengan pekerjaan tangan. Tidaklah boleh kita semata-mata bergantung kepada mesin ataupun jentera sahaja. Itu terkeluar daripada istilah kraftangan.

Maka kalau kita kembali kepada adat tradisional kita orang Melayu, pekerjaan kraftangan ini memanglah perkara yang melingkungi, meliputi hidup kita daripada mulai kita lahir ke dunia sampai kita mati misalnya

apakala kita lahir ke dunia, kita terpaksa dibuai oleh ibu kita. Maka buaian itu juga kita buat dengan tangan. Tak boleh dibuat tanpa aturan, mesti ada bentuknya, ada peraturan tradisionalnya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator boleh menyambung pada hari esok jika perlu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 11hb Julai, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*